JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

KESEPAKATAN MELESTARIKAN KECEMERLANGAN



# LAPORAN TAHUNAN 2019

# Rasional Kulit Buku




Kesungguhan, kerjasama, disiplin dan kesepakatan membuat sesuatu keputusan penting adalah kunci utama bagi sesebuah organisasi mencapai kecemerlangan tanpa mengetepikan kelestarian. Sesuai dengan tema Buku Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 2019 ini, iaitu **Kesepakatan Melestarikan Kecemerlangan,** warna hitam dan kuning keemasan menjadi pilihan utama yang mendominasi warna bagi rekabentuk muka hadapan.

Ini kerana warna hitam merupakan warna paling dominan yang melambangkan keyakinan, keunggulan dan kekuatan sementara warna kuning keemasan pula, melambangkan kejayaan dan kegemilangan. Kombinasi kedua-dua warna ini sangat sesuai untuk menggambarkan pencapaian dan kejayaan cemerlang yang telah ditempa oleh JTKSM selama lebih satu abad menyumbang kepada masyarakat industri perburuhan khususnya dan negara amnya.

Petak-petak hitam dan kuning keemasan di bahagian bawah rekabentuk kulit buku ini pula adalah untuk menggambarkan perjalanan yang telah dilalui oleh Jabatan selama ini manakala bentuk bulat leper berwarna putih pula menggambarkan asas atau tapak yang kukuh telah diletakkan selama lebih seabad untuk menjadi tunjang kecemerlangan industri perburuhan dalam negara ini.

*Rubic cube* dengan gambar bangunan Jabatan serta aktiviti yang dijalankan di dalam bola kaca pula melambangkan entiti Jabatan yang mempunyai beberapa bahagian dengan fungsi tersendiri tetapi masih saling berkait untuk mencapai matlamat yang sama. Bola kaca ini melambangkan kesepakatan yang telus dan jitu dalam menjalankan tanggungjawab bagi memastikan kejayaan bersama.

Sementara itu, bentuk-bentuk bulat berwarna emas pula menggambarkan kegemilangan yang telah dicapai Jabatan selama ini manakala sinaran cahaya terang di bahagian belakang adalah untuk menggambarkan puncak keunggulan yang menerangi dan memandu perkembangan industri perburuhan negara.

# Kandungan


1. **SEKAPUR SIRIH KETUA PENGARAH** 4

2. **PROFIL KORPORAT** 6

3. **TADBIR URUS**
   - i. Piagam Pelanggan 7
   - ii. Carta Organisasi 8
   - iii. Pengurusan Tertinggi 10
   - iv. Bahagian Ibu Pejabat 11
   - v. Fungsi Bahagian 12

4. **SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2019** 16

5. **PENGUATKUASAAN**
   - i. Pemeriksaan Berkanun 18
   - ii. Pemeriksaan Ladang 20
   - iii. Gaji Minimum 22
   - iv. Operasi 27
     - Pasukan Khas Penguatkuasaan 27
     - Pemeriksaan Pasukan Khas Penguatkuasaan/ Antipermerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran (ATIPSOM) 28
     - Operasi *One Visit-Policy* 29
     - Operasi Bersepadu Dengan Agensi Lain 30
   - v. Permit Perburuhan 31
   - vi. Agensi Pekerjaan Swasta 32
   - vii. Pengendalian Siasatan Aduan 35
   - viii. Penyediaan Kertas Siasatan 36
   - ix. Pendakwaan 38
   - x. Kompaun 39
   - xi. Kes Buruh 39
   - xii. Pindaan Undang-Undang 41
   - xiii. Pengurusan Pekerja Asing 43
     - Perakuan Bagi Permohonan Penggajian Pekerja Asing 43
     - Penggantian Pekerja Asing (PGPA) 44
     - Pengesahan (*Attestation*) *Demand Letter* Bagi Pengambilan Pekerja Asing Warganegara Nepal 45
     - Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing 46
     - Pampasan Pekerja Asing 47
     - Perakuan Penggajian Pekerja Domestik Indonesia (PDI) 48

6. **PERKHIDMATAN PEKERJAAN**
   - i. Permintaan dan Penawaran Pekerjaan 50
   - ii. Penempatan Pekerjaan 52
   - iii. Program-Program Kerjaya 55

7. **PROMOSI**
   - i. Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) 58
   - ii. Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) 61
   - iii. Pendidikan Perburuhan 65
     - Dialog Industri 65
     - Khidmat Nasihat Perburuhan 65
     - *Mobile Labour Care* (MOLAC) 65
   - iv. Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja 66
   - v. Dasar Pekerja Kanak-Kanak Dan Orang Muda 66

8. **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN**
   - i. Pengurusan Kewangan 68
   - ii. Latihan 70
   - iii. Maklumbalas Pelanggan 75
   - iv. Penghargaan Dan Pengiktirafan 76

9. **PENGURUSAN SISTEM**
   - i. Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) 78
   - ii. Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) 79
   - iii. JobsMalaysia 79
   - iv. ePampasan 81
   - v. *eLabour Court* (eLC) 81
   - vi. *Labour Market Database* (LMD) 82

10. **SOROTAN PERISTIWA**
    - i. Mesyuarat Kajian Separuh Penggal, Persidangan Dan *Retreat* JTKSM 2019/2020 84
    - ii. *Town Hall* Agensi Pekerjaan Swasta bersama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia 90
    - iii. *LET 2.0 Support Employment For The Elderly and Women in Japan* 91
    - iv. Majlis Pentauliahan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Bidang Pengurusan Bimbingan Kerjaya Melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Sesi 2016/2017 92
    - v. Program Pemantapan Integriti 93

11. **MEMOIR**
    - i. Perhimpunan Bulanan 98
    - ii. Sambutan Hari Raya 99
    - iii. Hari Bertemu Pelanggan 99
    - iv. Kejohanan Sukan Tahunan Skim ‘S’ (KESTASIS) 100
    - v. PUSPANITA 101
    - vi. Keratan Akhbar 102

12. **LOKASI**
    - i. Ibu Pejabat 108
    - ii. Jabatan Tenaga Kerja Negeri/ Pejabat Tenaga Kerja Cawangan 108
    - iii. *JobsMalaysia Centre* (JMC) 110

13. **SIDANG REDAKSI** 112

# **SEKAPUR SIRIH** KETUA PENGARAH




**"KESEPAKATAN MELESTARIKAN KECEMERLANGAN"**

Bismillahirrahmanirrahim
Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Dan Salam Sejahtera

Setinggi rasa kesyukuran dimunajatkan ke hadrat Ilahi atas kejayaan dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) 2019 ini. Juga sekalung budi setulus hati ucapan syabas dan tahniah daripada saya kepada pasukan sidang redaksi yang pastinya bertungkus lumus sebaik mungkin untuk memastikan buku ini dapat diterbitkan. Semoga dengan penerbitan ini akan dapat membantu para warga JTKSM juga pemegang taruh (*stakeholders*) untuk melihat dengan lebih jelas akan pencapaian dan kejayaan yang dilakarkan oleh Jabatan sepanjang tahun 2019 yang lalu.

Mengangkat tema "KESEPAKATAN MELESTARIKAN KECEMERLANGAN", Tahun 2019 tidak kurang mencabar jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya malah cabaran-cabaran yang dihadapi cukup membuatkan semua warga JTKSM tidak duduk diam. Namun demikian, berlandaskan tema yang dijadikan pemacu sepanjang melaksanakan semua perancangan di samping Indeks Pencapaian Utama (*Key Performance Index:* KPI), semua pegawai dan juga warga JTKSM sama ada ibu pejabat mahupun negeri sekali lagi membuktikan kewibawaan dan kecemerlangan mereka.

"Kesepakatan Melestarikan Kecemerlangan" diterjemah dengan nyata dan jelas sepanjang Tahun 2019 melalui aktiviti penguatkuasaan yang merupakan antara fungsi utama Jabatan. Penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah merangkumi pelbagai aspek dalam penggajian pekerja sama ada tempatan mahupun asing dalam memastikan industri perburuhan negara dipacu dengan selamat dan harmoni serta kebajikan para pekerja sektor swasta ini adalah dilindungi dan dijaga.

Sepanjang Tahun 2019, kita telah melakukan sebanyak 30,929 pemeriksaan ke atas semua sektor yang telah diklasifikasikan di bawah *Malaysian Standard Industrial Classification* 2008 (MSIC) dan telah mengeluarkan sejumlah 6,377 notis pematuhan kepada majikan dalam pelbagai sektor. Di samping itu, sebanyak 1,025 pemeriksaan khas turut dilakukan dan membawa kepada 158 kertas siasatan, 67 izin kompaun serta 74 izin dakwa dan juga 7 kes aduan ATIPSOM. Selain daripada pemeriksaan khas, pemeriksaan biasa yang dijalankan dari semasa ke semasa turut menyaksikan sejumlah 901 kertas siasatan dibuka dan merekodkan sebanyak 339 Izin Kompaun serta 380 Izin Dakwa. Selain memberikan Pendidikan Perburuhan dan Khidmat Nasihat Perburuhan, Jabatan turut berjaya mengendalikan dan menyelesaikan sebanyak 5,333 kes aduan yang diterima daripada pelbagai bentuk saluran termasuklah laman sesawang Jabatan, panggilan telefon, emel, Biro Pengaduan Awam mahupun daripada stakeholders sendiri.

Dalam aspek pemadanan dan penempatan pekerjaan, sepanjang tahun 2019 Jabatan melalui JobsMalaysia telah berjaya melakukan sebanyak 147,317 penempatan pekerja yang terdiri daripada 103,834 orang bukan siswazah dan 43,483 orang siswazah. Kejayaan ini adalah sedikit sebanyak merupakan impak daripada program karnival kerjaya yang dilaksanakan sebanyak 297 penganjuran, 1,481 sesi temu duga terbuka serta 464 pameran/ceramah kerjaya di seluruh negara. Manakala bagi lesen di bawah Agensi Pekerjaan Swasta, Jabatan merekodkan sejumlah 938 lesen mencakupi Kategori A (149), Kategori B (83) dan Kategori C (213) telah dicetak dan dikeluarkan sepanjang Tahun 2019. Di samping itu, Tahun 2019 turut menyaksikan kejayaan Jabatan menganjurkan sesi *Town Hall* yang dihadiri oleh seramai 627 agensi pekerjaan. Sesi tersebut menjadi salah satu platform komunikasi dua (2) hala antara pihak Jabatan dan juga para agensi pekerjaan dalam berkongsi maklumat dan juga bertukar-tukar pandangan.

Peranan Jabatan membantu Jabatan/Agensi Kerajaan lain dalam proses penapisan penggajian pekerja asing turut menjadi suatu yang membanggakan di mana kita berjaya mengekang penggajian tenaga kerja asing daripada dilakukan sewenangnya oleh majikan yang tidak bertanggungjawab. Sebanyak 4,122 daripada 12,946 permohonan perakuan penggajian pekerja asing telah diluluskan sepanjang Tahun 2019 yang mencatatkan seramai 194, 729 orang pekerja asing. Manakala bagi proses Penggantian Pekerja Asing (PGPA) yang dilaksanakan pada Mei 2019, Jabatan telah meluluskan sebanyak 1,228 daripada 2,476 permohonan.

Secara keseluruhan, sepanjang tempoh Tahun 2019, Jabatan berusaha untuk memastikan peranan Jabatan sentiasa dilihat dan ini dilakukan dalam pelbagai cara juga kerjasama semua bahagian di ibu pejabat serta negeri-negeri. Kita berusaha menilai semula akta dan dasar-dasar yang berhubung dengan perburuhan melalui Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik serta memastikan bahawa pelaksanaan pelbagai program Jabatan adalah sejajar dengan arahan-arahan Kerajaan melalui Bahagian Khidmat Pengurusan. Syabas dan tahniah sekali lagi kepada semua warga JTKSM.

Akhir kalam, saya amat berharap dengan penerbitan buku laporan ini, setiap usaha dan titik peluh warga JTKSM sedikit sebanyak dicatatkan sebagai tanda penghargaan walaupun hakikatnya jasa anda semua terlalu besar untuk diringkaskan dalam senaskah buku. Semoga kesepakatan yang telah dibina akan terus menjadi pemacu dalam kita melestarikan kecemerlangan Jabatan dalam memperampuh dan memperkasa fungsi serta peranan Jabatan dalam dunia perburuhan.

Sekian terima kasih.



**Dato' Mohd Jeffrey Bin Joakim**
Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Sekapur Sirih
Penguatkuasaan
Perkhidmatan Pekerjaan
Promosi
Pengurusan dan Pentadbiran
Pengurusan Sistem
Sorotan Peristiwa
Memoir
Lokasi
Sidang Redaksi

# **PROFIL** KORPORAT

## VISI

Peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan di sektor swasta

## MISI

- Memperkasakan pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan; dan
- Memperluaskan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh

## DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan dipertingkatkan secara berterusan.

## OBJEKTIF

- Melindungi kepentingan dan memajukan kepentingan masyarakat industri;
- Mengutamakan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara;
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi; dan
- Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

# PIAGAM PELANGGAN

1. Menyediakan kemudahan Pusat JobsMalaysia yang efektif dan mesra pelanggan bagi:
   - Memberi kemudahan percuma untuk mendaftar secara *online*;
   - Penjodohan pekerjaan dalam tempoh 24 jam secara *online* tertakluk kepada kesesuaian jawatan dan kelayakan; dan
   - menyediakan khidmat sokongan penempatan pekerjaan.
2. Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengaduan;
3. Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan;
4. Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja;
5. Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dalam tempoh 14 hari bekerja;
6. Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima;
7. Memproses dan mengeluarkan syor dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap bagi permohonan penggajian pekerja asing diterima;
8. Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra; dan
9. Memberi layanan mesra di kaunter kepada setiap pelanggan jabatan.

# **CARTA** ORGANISASI

## Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia



**DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM**
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA
(JUSA A)

ENCIK ZAIHAS MOHD SYAKIR BIN HASFAR
PEGAWAI UNDANG-UNDANG
L41/L44



**ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN**
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI)
(JUSA B)



PENGARAH BAHAGIAN
PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN
PPP S54
ENCIK SAFIAN BIN HAMZAH



PENGARAH BAHAGIAN
STANDARD PERBURUHAN
PPP S54
ENCIK MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB



PENGARAH BAHAGIAN
PEKERJA ASING
PPP S52
ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM



PENGARAH JTK SELANGOR
PPP S54
ENCIK AHMAD MUDI ONN BIN NOR



PENGARAH JTK WP KUALA LUMPUR
PPP S54
ENCIK RAHMAT BIN ISMAIL



PENGARAH JTK PERAK
PPP S54
ENCIK AHMAD KHUSAIRI BIN
LOPE ABDUL RAHIM



PENGARAH JTK PAHANG
PPP S52
ENCIK PEZMAN BIN CHE HUSSIN



PENGARAH JTK KELANTAN
PPP S48
ENCIK ROSLI BIN OMAR



PENGARAH JTK KEDAH
PPP S48
ENCIK AZRUL HISHAM BIN
KAMARUZZAMAN

PUAN FAUZIAH BINTI ABDULLAH
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
S41/S44



**PUAN PAEZA BINTI ROSDI**
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN)
(JUSA C)



PENGARAH BAHAGIAN
DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK
PPP S54
ENCIK YUSOFF BIN HARUN



PENGARAH BAHAGIAN
PERKHIDMATAN PEKERJAAN
PPP S52
ENCIK MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI



PENGARAH BAHAGIAN
KHIDMAT PENGURUSAN
PTD M52
PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN



PENGARAH JTK JOHOR
PPP S54
ENCIK ZAINI BIN YAACOB



PENGARAH JTK TERENGGANU
PPP S48
ENCIK MOHD HAJAZY BIN JUSOH



PENGARAH JTK PULAU PINANG
PPP S54
ENCIK SAZALI BIN KETEH



PENGARAH JTK MELAKA
PPP S48
ENCIK ROSLI BIN JANTAN



PENGARAH JTK NEGERI SEMBILAN
PPP S52
ENCIK S. THARUMARAJAN A/L
SINNAGOUNDAR



PENGARAH JTK PERLIS
PPP S48
ENCIK ISKANDAR BIN JASSA



PENGARAH JTK LABUAN
PPP S44
ENCIK AG ISMAIL BIN AG TANGAH

Tadbir Urus
Penguatkuasaan
Perkhidmatan Pekerjaan
Promosi
Pengurusan dan Pentadbiran
Pengurusan Sistem
Sorotan Peristiwa
Memoir
Lokasi
Sidang Redaksi

# **PENGURUSAN** TERTINGGI



**ENCIK ASRI BIN AB RAHMAN**
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI)

**DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM**
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

**PUAN PAEZA BINTI ROSDI**
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN)

# **BAHAGIAN** IBU PEJABAT



**ENCIK SAFIAN BIN HAMZAH**
PENGARAH BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

## Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan

- Mengurus dan menyelaras segala urusan untuk meminda undang-undang buruh dan peraturan-peraturannya yang sedia ada atau untuk menggubal undang-undang buruh yang baru dan peraturannya agar sesuai dengan keperluan dan perkembangan sosial serta ekonomi;
- Memantau sistem penggajian pekerja-pekerja sektor swasta yang diliputi oleh Jabatan agar pekerja-pekerja tidak ditindas dan mengemukakan syor-syor dan merancang strategi untuk memperbaiki sebarang kelemahan sistem penggajian yang sedia ada;
- Menyelaras, memantau dan mengawal selia aktiviti pengeluaran permit dan memberi pengecualian kepada para majikan daripada beberapa peruntukan tertentu di bawah undang-undang buruh atau peraturan-peraturan di bawahnya termasuk kuasa memberi kelulusan ke atas permohonan permit;
- Menyelaras, memantau dan mengawal selia segala perkara yang berkaitan dengan perundangan yang melibatkan bidang kuasa Jabatan meliputi aspek pendakwaan, perjalanan Mahkamah Buruh, kes-kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Buruh di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung, kes-kes saman penghutang penghakiman dan *Judgement Notice*;
- Menganalisa keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Perusahaan berhubung dengan isu-isu yang melibatkan undang-undang buruh;
- Menyelaras, memantau dan mengawasi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan undang-undang di peringkat negeri dan perkara-perkara di bawah bidang fungsi bahagian;
- Menyelaras hal-hal perburuhan antarabangsa yang berkaitan dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan lain-lain badan perburuhan antarabangsa yang mana melibatkan perkara di bawah bidang kuasa Jabatan; dan
- Mengurus permohonan interpretasi peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasa Jabatan Tenaga Kerja dan memberi khidmat nasihat kepada bahagian-bahagian lain di Ibu Pejabat, pejabat negeri dan cawangan, organisasi-organisasi, badan-badan korporat dan individu dalam perkara yang melibatkan isu-isu perundangan.



**ENCIK MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB**
PENGARAH BAHAGIAN STANDARD PERBURUHAN

## Bahagian Standard Perburuhan

- Menyediakan kertas-kertas cadangan, kertas kerja, kertas kabinet, kertas jemaah menteri dan surat-surat pekeliling berkaitan dasar-dasar perburuhan bagi kegunaan Jabatan, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain;
- Menyediakan maklumat terkini kepada *International Labour Organization* (ILO) berkaitan hal-hal perburuhan dan konvensyen yang diratifikasikan oleh negara dan menjawab segala isu yang dibangkitkan ILO;
- Menyediakan maklumat yang diperlukan bagi isu-isu yang melibatkan hal-hal perburuhan negara yang dibahaskan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat;
- Memastikan kebajikan pekerja-pekerja di sektor swasta dilindungi selaras dengan standard minimum yang ditetapkan di bawah Undang-undang Perburuhan;
- Merancang dan menggubal program-program untuk meningkatkan kualiti kehidupan pekerja-pekerja sektor perladangan dari segi perumahan dan kemudahan-kemudahan asas;
- Menyelaras dan meluluskan permohonan geran Orang Kurang Upaya (OKU) melalui Program Skim Bantuan dan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU);
- Merancang dan menyelaras aktiviti pembasmian dan menangani gangguan seksual di tempat kerja;
- Membantu menangani isu yang dibangkitkan pelanggan melalui aduan berkaitan haknya di bawah undang-undang perburuhan;
- Menangani semua isu berkaitan penggajian pekerja asing dan pekerja tempatan;
- Menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti pendidikan perburuhan; dan
- Merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti mempromosi dan meningkatkan penyertaan golongan wanita dan warga emas dalam pekerjaan.

## Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

- Memastikan keberkesanan perancangan dan hala tuju Jabatan adalah selari dengan keperluan perburuhan semasa
- Memantau prestasi Jabatan untuk perancangan strategi dan pencapaian sasaran
- Membuat analisis data perburuhan sebagai sumber penggubalan dasar dan undang-undang Jabatan
- Membangun dan mengurus pangkalan data maklumat pasaran buruh dan membekalkan maklumat kepada pemegang taruh
- Menyelaras pembangunan dan pelaksanaan ICT Jabatan
- Menyelaras input dan aktiviti yang melibatkan instrumen antarabangsa



**ENCIK YUSOFF BIN HARUN**
PENGARAH BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

## Bahagian Pekerja Asing

- Menguruskan hal-ehwal berkaitan dengan penggajian pekerja asing di dalam negara agar selaras dengan dasar perburuhan negara.
- Mengeluarkan Perakuan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Perakuan Pekhidmat Domestik Asing (PDA) bagi majikan yang hendak menggajikan pekerja asing dan PDA.
- Terlibat dalam sebarang perjanjian seperti Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan dengan penggajian pekerja asing termasuklah PDA.
- Mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pampasan Pekerja1952 dan penyedia insurans.

## Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan

- Melaksanakan aktiviti-aktiviti pendaftaran pencari kerja, pendaftaran majikan, pendaftaran kekosongan jawatan, penjodohan pekerjaan dan penempatan pekerjaan.
- Membantu pencari kerja membuat carian melalui Portal JobsMalaysia dan membantu majikan mendapatkan tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan.
- Hub perkhidmatan pekerjaan negara yang boleh diakses secara atas talian.
- Meningkatkan peluang pekerjaan kepada warganegara melalui pengawalan penggajian pekerja bukan warganegara.
- Sumber rujukan dalam merancang keperluan guna tenaga negara.
- Memproses permohonan baru dan pembaharuan lesen agensi pekerjaan swasta.



**ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM**
PENGARAH BAHAGIAN PEKERJA ASING



**ENCIK MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI**
PENGARAH BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEKERJAAN

## Bahagian Khidmat Pengurusan

- Bertanggungjawab dalam hal pentadbiran Jabatan seperti pengurusan fail, penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan Jabatan, pengurusan dan pengemaskinian aset dan stor, urus setia mesyuarat pengurusan, memantau dan menjaga keselamatan dokumen-dokumen jabatan.
- Menguruskan hal ehwal pembangunan organisasi dan perkhidmatan seperti urusan perjawatan dan pelantikan, kenaikan pangkat, penilaian prestasi, tatatertib dan persaraan pegawai.
- Merancang, menyelaras dan menganjurkan program kursus dan latihan dalam dan luar negara
- Menguruskan peruntukan kewangan dan perakaunan Jabatan supaya peruntukan yang diperoleh dibelanjakan dengan berhemat mengikut prosedur dan tatacara semasa.
- Menguruskan perolehan dan projek pembangunan Jabatan
- Menyelaras aktiviti perhubungan awam



**PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN**
PENGARAH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

# SEKILAS FAKTA PENCAPAIAN 2019



# PENGUATKUASAAN



## PEMERIKSAAN BERKANUN

Pemeriksaan Berkanun merupakan salah satu aktiviti penguatkuasaan jabatan yang bertujuan untuk memastikan hak dan kebajikan pekerja dilindungi di bawah undang-undang dan standard perburuhan bagi memastikan keharmonian industri pekerja dan majikan melalui pemeriksaan berkanun yang proaktif.

### Tujuan Pemeriksaan Berkanun

i. Meningkatkan tindakan pencegahan (*preventive action*) dan pembetulan (*corrective action*) di kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang dan standard perburuhan.

ii. Memberikan maklumat dan bimbingan kepada majikan dan pekerja berkaitan keperluan mematuhi undang-undang.

iii. Memenuhi keperluan *Labour Inspection Convention* 1947 (No.81) yang telah diraktifikasikan oleh Malaysia di mana Konvensyen ini telah menetapkan supaya setiap negara anggota kepada *International Labour Organization* (ILO) menjalankan pemeriksaan ke tempat pekerjaan sekerap mungkin bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang perburuhan di negara ini.

### Pemeriksaan dijalankan melalui dua pendekatan seperti berikut:

i. Secara berjadual di mana majikan akan dimaklumkan melalui notis yang mengandungi makluman berkaitan nama pegawai pemeriksa, tarikh dan masa pemeriksaan akan dijalankan di tempat pekerjaan.

ii. Secara mengejut di mana pemeriksaan ke atas tempat pekerjaan dijalankan tanpa notis pemberitahuan.

**Jadual 1: Bilangan Pemeriksaan Mengikut Sektor Yang Dikelaskan di bawah *Malaysian Standard Industrial Classification* 2008 (MSIC) Bagi Tahun 2019**

| Kod MSIC | Sektor MSIC | Bilangan |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 3,135 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 161 |
| C | Pembuatan | 5,485 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 60 |
| E | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 89 |
| F | Pembinaan | 1,177 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 8,982 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 511 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 2,613 |
| J | Maklumat & Komunikasi | 245 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/ Takaful | 461 |
| L | Aktiviti Hartanah | 117 |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 631 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 1,442 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 1,554 |
| P | Pendidikan | 283 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial | 573 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 140 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan Lain | 3,257 |
| T | Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri | 8 |
| U | Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah | 1 |
| V | Tidak Diklasifikasikan | 4 |
| **Jumlah** | | **30,929** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Merujuk kepada **Jadual 1** di atas, pada tahun 2019, sebanyak 30,929 tempat pekerjaan telah diperiksa. Dua (2) sub-sektor tertinggi adalah sektor industri perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor & motosikal iaitu sebanyak 8,982 (29%) dan diikuti oleh sektor pembuatan iaitu sebanyak 5,485 (19%).

**Gambarajah 1: Bilangan Pemeriksaan Mengikut Negeri dan Notis Pematuhan Yang Di Keluarkan Bagi Tahun 2019**




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan **Gambarajah 1**, pemeriksaan tertinggi telah dijalankan di negeri Johor iaitu 5,548 (18%) dari jumlah keseluruhan pemeriksaan. Jumlah terendah dicatatkan di WP Labuan iaitu sebanyak 299 (1%). Jumlah pemeriksaan yang dijalankan adalah dipengaruhi oleh keluasan sesebuah negeri, kepesatan industri dan jumlah pegawai penguatkuasa.

Manakala jumlah notis pematuhan yang dikeluarkan adalah sebanyak 6,377 di mana notis pematuhan tertinggi dikeluarkan adalah di negeri Johor iaitu sebanyak 1,343 (21%) dan diikuti Selangor sebanyak 1,113 (17%).

Notis Pematuhan dikeluarkan bertujuan bagi memberi peluang kepada majikan membuat pembetulan ke atas ketidakpatuhan sebelum tindakan penguatkuasaan lebih tegas di ambil. Ini bagi memenuhi matlamat pemeriksaan sebagai langkah pencegahan (*preventive action*) dan pembetulan (*corrective action*) di kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang dan standard perburuhan.

## PEMERIKSAAN LADANG

Pemeriksaan berkanun yang dijalankan juga meliputi pemeriksaan ke atas tempat pekerjaan dalam sektor perladangan. Pemeriksaan ke atas ladang dilaksanakan dengan kriteria tambahan iaitu pematuhan terhadap Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Aktiviti ini merupakan salah satu langkah yang berkesan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pihak majikan dan masyarakat pekerja ladang dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit.

**Gambarajah 2: Bilangan Pemeriksaan Ladang mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan **Gambarajah 2**, sebanyak 1,297 pemeriksaan ke atas ladang telah dijalankan. Daripada jumlah tersebut, pemeriksaan ladang tertinggi telah dilakukan di Johor iaitu sebanyak 328 (25%) diikuti dengan Perak sebanyak 286 (22%) dan Pahang 210 (16%). WP Kuala Lumpur dan WP Labuan tidak mempunyai majikan ladang.

Melalui pemeriksaan terhadap ladang juga JTKSM dapat mengumpulkan maklumat berkaitan perumahan dan kemudahan asas ladang. Profil adalah seperti di **Gambarajah 3.**

**Gambarajah 3: Maklumat Profil Ladang Bagi Tahun 2019.**

Jumlah Ladang
1,631
Ladang dengan Perumahan
1,230

Bilangan Rumah
50,450
**Standard**
29,814
**Substandard**
20,636

Bekalan Elektrik
798
**Sumber Awam**
500
**Sumber sendiri**
298

Bekalan Air
876
**Sumber Awam**
452
**Sumber sendiri**
424

Kemudahan Jalan
**Berturap**
505 ladang
44,303.12 km
**Tidak Berturap**
527 ladang
2,048.28 km

Bilangan Pusat Asuhan Kanak-Kanak
184
**Bilangan Kanak-Kanak**
1,568
**Bilangan Pengasuh**
184

Berdasarkan **Gambarajah 3**, terdapat 1,230 ladang yang menyediakan perumahan kepada pekerja dengan jumlah unit sebanyak 50,450 di mana 29,814 unit adalah rumah standard manakala 20,636 unit adalah rumah substandard.

Sebanyak 798 majikan menyediakan bekalan elektrik di mana 500 majikan menyalurkan bekalan daripada sumber awam manakala 298 menggunakan sumber sendiri.

Sebanyak 876 majikan ladang menyediakan bekalan air bersih di mana 452 daripada sumber bekalan air awam dan 424 sumber sendiri.

Sebanyak 505 majikan ladang menyediakan jalan raya berturap sepanjang 44 303.12 km manakala 527 ladang menyediakan kemudahan jalan raya tdak berturap sepanjang 2048.28 km.

Sebanyak 184 ladang menyediakan Pusat Asuhan Kanak-kanak (PAKK) beserta pengasuh berjumlah 184 orang. Bilangan anak-anak yang letakkan di PAKK ini sewaktu ibu bapa keluar bekerja adalah sebanyak 1,568 orang.





**Perumahan Pekerja Ladang Felda Serting Hilir**

## GAJI MINIMUM

Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 dikuatkuasakan pada 1 Januari 2019. Kadar gaji minimum dinaikkan daripada RM1,050 kepada RM1,100.00 sebulan atau kadar sehari ialah RM42.31 dan kadar sejam RM5.29. Pemakaian perintah ini adalah untuk semua pekerja sektor swasta di Malaysia kecuali pekhidmat domestik dan seseorang di bawah kontrak perantisan.

Penguatkuasaan terhadap Perintah Gaji Minimum dilaksanakan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] oleh pegawai penguatkuasa daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

### Kadar Gaji Minimum

**Jadual 2: Kadar Gaji Minimum Bagi Tahun 2019**

| | Kadar Gaji Minimum | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Bulanan** | **Harian** | | | **Setiap jam** |
| | Bilangan hari bekerja dalam seminggu | | | |
| | 6 | 5 | 4 | |
| RM1,100.00 | RM42.31 | RM50.77 | RM63.46 | RM5.29 |

Sumber: JTKSM

### Pemeriksaan Gaji Minimum

Pada tahun 2019 sebanyak 30,929 pemeriksaan berkanun telah dijalankan terhadap majikan bagi memastikan majikan mematuhi Perintah Gaji Minimum 2018. Sebanyak 4,875 majikan telah dikeluarkan notis pematuhan atas ketidakpatuhan terhadap perintah gaji minimum. Jumlah tersebut merupakan 16% daripada keseluruhan pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tempoh tersebut.

**Gambarajah 4: Pemeriksaan Gaji Minimum Bagi Tahun 2019**




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

**Jadual 3: Status Pematuhan Gaji Minimum Oleh Majikan Melalui Pemeriksaan Berkanun Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bilangan Pemeriksaan Berkanun | Bilangan Majikan Patuh Gaji Minimum | Bilangan Majikan Tidak Patuh Gaji Minimum |
|---|---|---|---|
| Johor | 5,548 | 4,353 | 1,195 |
| Kedah | 3,113 | 2,713 | 400 |
| Kelantan | 816 | 633 | 183 |
| Melaka | 1,532 | 1,235 | 297 |
| Negeri Sembilan | 1,672 | 1,287 | 385 |
| Pahang | 2,401 | 2,223 | 178 |
| Pulau Pinang | 2,920 | 2,643 | 277 |
| Perak | 4,211 | 3,660 | 551 |
| Perlis | 409 | 355 | 54 |
| Selangor | 3,692 | 2,744 | 948 |
| Terengganu | 2,085 | 1,873 | 212 |
| WP Kuala Lumpur | 2,231 | 2,045 | 186 |
| WP Labuan | 299 | 290 | 9 |
| **Jumlah** | **30,929** | **26,054** | **4,875** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan **Jadual 3** di atas, sebanyak 26,054 (84%) majikan telah mematuhi perintah gaji minimum daripada keseluruhan 30,929 bilangan pemeriksaan yang dijalankan.

**Jadual 4: Pemeriksaan Gaji Minimum Mengikut Sektor Bagi Tahun 2019**

| Kod *MSIC | Sektor | Jumlah |
|---|---|---|
| A | Pertanian, perhutanan & perikanan | 3,135 |
| B | Perlombongan & pengkuarian | 161 |
| C | Pembuatan | 5,485 |
| D | Bekalan elektrik, gas, wap & pendingin udara | 60 |
| E | Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa & aktiviti pemulihan | 89 |
| F | Pembinaan | 1,177 |
| G | Perdagangan borong & runcit, pembaikan kenderaan bermotor & motosikal | 8,982 |
| H | Pengangkutan & penyimpanan | 511 |
| I | Penginapan & aktiviti perkhidmatan makanan & minuman | 2,613 |
| J | Maklumat & komunikasi | 245 |
| K | Aktiviti kewangan & insurans/takaful | 461 |
| L | Aktiviti hartanah | 117 |
| M | Aktiviti professional, saintifik & teknikal | 631 |
| N | Aktiviti pentadbiran & khidmat sokongan | 1,442 |
| O | Pentadbiran awam & pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib | 1,554 |
| P | Pendidikan | 283 |
| Q | Aktiviti kesihatan kemanusiaan & kerja sosial | 573 |
| R | Kesenian, hiburan & rekreasi | 140 |
| S | Aktiviti perkhidmatan lain | 3,257 |
| T | Aktiviti isi rumah sebagai majikan; aktiviti mengeluarkan barangan & perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri | 8 |
| U | Aktiviti badan & pertubuhan luar wilayah | 1 |
| | Tidak Diklasifikasikan | 4 |
| | **JUMLAH** | **30,929** |

*Nota: MSIC – *Malaysian Standard Industrial Classification*

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

## Aduan Gaji Minimum

Sebanyak 463 kes aduan gaji minimum telah dikendalikan, melibatkan jumlah pekerja seramai 2,480 orang. Negeri Kelantan telah mencatatkan 100% kes selesai iaitu sebanyak 80 kes aduan gaji minimum. Pecahan aduan mengikut negeri adalah seperti **Jadual 5.**

**Jadual 5: Status Aduan dan Bilangan Pekerja Terlibat Berkaitan Gaji Minimum Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bilangan Kes Diterima | Bilangan Kes Dikendali | Bilangan Kes Selesai | Bilangan Pekerja Terlibat |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 32 | 33 | 33 | 238 |
| Kedah | 73 | 77 | 70 | 258 |
| Kelantan | 80 | 80 | 80 | 373 |
| Melaka | 26 | 26 | 26 | 237 |
| Negeri Sembilan | 30 | 32 | 30 | 173 |
| Pahang | 16 | 16 | 16 | 164 |
| Pulau Pinang | 13 | 13 | 13 | 42 |
| Perak | 32 | 32 | 32 | 217 |
| Perlis | 19 | 19 | 19 | 176 |
| Selangor | 38 | 39 | 38 | 142 |
| Terengganu | 71 | 72 | 71 | 379 |
| WP Kuala Lumpur | 22 | 22 | 21 | 79 |
| WP Labuan | 2 | 2 | 2 | 2 |
| **JUMLAH** | **454** | **463** | **451** | **2,480** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

**Jadual 6: Bilangan Aduan Gaji Minimum Mengikut Sektor Yang Dikelaskan di bawah *Malaysian Standard Industrial Classification* 2008 (MSIC) Bagi Tahun 2019**

| Kod MSIC | Sektor | Bilangan Aduan Diterima |
|---|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan & Perikanan | 6 |
| B | Perlombongan & Pengkuarian | 5 |
| C | Pembuatan | 40 |
| D | Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara | 3 |
| E | Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan | 2 |
| F | Pembinaan | 27 |
| G | Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal | 94 |
| H | Pengangkutan & Penyimpanan | 10 |
| I | Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman | 62 |
| J | Maklumat & Komunikasi | 3 |
| K | Aktiviti Kewangan & Insurans/ Takaful | 3 |
| L | Aktiviti Hartanah | 2 |
| M | Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal | 5 |
| N | Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan | 113 |
| O | Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib | 17 |
| P | Pendidikan | 26 |
| Q | Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial | 9 |
| R | Kesenian, Hiburan & Rekreasi | 2 |
| S | Aktiviti Perkhidmatan Lain | 25 |
| T | Aktiviti isi rumah sebagai majikan; Aktiviti mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang tidak dapat dibezakan oleh isi rumah untuk kegunaan sendiri | 0 |
| U | Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah | 0 |
| | **Jumlah** | **454** |

Berdasarkan **Jadual 6** di atas, sektor aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan telah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 113 (25%) diikuti sektor perdagangan borong dan runcit sebanyak 94 (21%).

## Pendakwaan Gaji Minimum

Sebanyak 106 kertas siasatan berkaitan gaji minimum telah dibuka dan daripada jumlah itu sebanyak 79 kes telah mendapat izin dakwa. Sumber kertas siasatan diperolehi daripada aduan, pemeriksaan, operasi khas dan kes buruh. Pecahan mengikut negeri adalah sebagaimana **Jadual 7**.

**Jadual 7: Sumber Kertas Siasatan dan Izin Dakwa Berkaitan Gaji Minimum Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bil. Kertas Siasatan Disediakan | Sumber Kertas Siasatan | | | | Bil. Izin Dakwa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Aduan | Pemeriksaan | Operasi Khas | Kes Buruh | |
| Johor | 19 | 7 | 8 | 4 | 0 | 9 |
| Kedah | 14 | 5 | 2 | 6 | 1 | 6 |
| Kelantan | 12 | 2 | 4 | 4 | 2 | 12 |
| Melaka | 13 | 8 | 5 | 0 | 0 | 8 |
| Negeri Sembilan | 6 | 6 | 0 | 0 | 0 | 5 |
| Pahang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pulau Pinang | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Perak | 4 | 3 | 1 | 0 | 0 | 4 |
| Perlis | 4 | 2 | 0 | 2 | 0 | 4 |
| Selangor | 5 | 4 | 1 | 0 | 0 | 3 |
| Terengganu | 26 | 4 | 3 | 19 | 0 | 25 |
| Kuala Lumpur | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| Labuan | 2 | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| **JUMLAH** | **106** | **43** | **25** | **35** | **3** | **79** |

Sumber: JTKSM

**Jadual 8: Status Izin Dakwa Kertas Siasatan berkaitan Gaji Minimum Bagi Tahun 2019**

| Tahun | Bil. Kertas Siasatan Disediakan | Status Kertas Siasatan | | | Status Kes Yang Telah Diberikan Izin Dakwa | | | Jumlah Denda (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Izin Dakwa | Tiada Tindakan Lanjut (NFA) | Dalam Tindakan Pegawai Penyiasat | Dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) | Dalam Tindakan Pegawai Pendakwa | Selesai | |
| 2019 | 106 | 79 | 11 | 15 | 2 | 36 | 41 | 78,700.00 |

Sumber: JTKSM

Berdasarkan **Jadual 8** di atas menunjukkan bahawa daripada 79 bilangan izin dakwa, 41 kes pendakwaan telah selesai yang melibatkan jumlah denda sebanyak RM78,700.00.

## Kes Buruh Gaji Minimum

Sebanyak 546 kes buruh berkaitan tuntutan gaji minimum telah difailkan melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM2,229,668.96. Sebanyak 511 kes telah diselesaikan dengan perintah berjumlah RM523,814.17.

**Gambarajah 5: Kes Buruh Tuntutan Gaji Minimum Bagi Tahun 2019**




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

**Jadual 9: Kes Buruh Tuntutan Gaji Minimum Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bil. Kes Difailkan | Amaun Tuntutan (RM) | Bil. Kes Selesai | Jumlah Perintah (RM) |
|---|---|---|---|---|
| Johor | 36 | 167,282.77 | 33 | 19,458.51 |
| Kedah | 112 | 499,612.01 | 135 | 34,479.74 |
| Kelantan | 73 | 249,586.82 | 69 | 91,879.94 |
| Melaka | 24 | 86,603.77 | 19 | 5,283.06 |
| Negeri Sembilan | 8 | 71,417.15 | 0 | 29,741.20 |
| Pahang | 50 | 111,109.94 | 42 | 52,698.28 |
| Pulau Pinang | 34 | 154,545.46 | 27 | 14,393.42 |
| Perak | 69 | 267,469.69 | 64 | 120,828.28 |
| Perlis | 19 | 76,799.85 | 16 | 13,000 |
| Selangor | 57 | 170,394.95 | 54 | 44,457.56 |
| Terengganu | 52 | 197,998.75 | 46 | 88,486.67 |
| WP Kuala Lumpur | 6 | 172,625.81 | 0 | 9,107.51 |
| WP Labuan | 6 | 4,221.99 | 6 | 0 |
| **JUMLAH** | **546** | **2,229,668.96** | **511** | **523,814.17** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan **Jadual 9** di atas menunjukkan bilangan kes difailkan tertinggi adalah di negeri Kedah iaitu sebanyak 112 kes dengan amaun tuntutan sebanyak RM499,612.01 manakala WP Kuala Lumpur dan WP Labuan masing-masing mencatatkan bilangan kes terendah iaitu enam kes.

# OPERASI

## Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP)

JTKSM telah menubuhkan PKP bagi memperkasakan penguatkuasaan undang-undang perburuhan dan Akta Antipemerdagangan dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 (Akta 670). Penubuhan PKP telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia pada 8 November 2012 dan berkuatkuasa pada 30 Januari 2013 terdiri daripada Pegawai Tenaga Kerja yang diwartakan di bawah Seksyen 27 (Akta 670).

JTKSM melaksanakan operasi melalui PKP bagi mana-mana aduan yang berprofil tinggi dan dilaksanakan secara bersasar terhadap sektor atau jenis pekerjaan yang dikenal pasti berpotensi tinggi menyalahi undang-undang.

## Jenis Operasi




## Pemeriksaan Pasukan Khas Penguatkuasaan

Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PKP dilakukan secara konsisten sepanjang tahun. Bagi tahun 2019, keanggotaan PKP adalah seramai 24 orang seluruh Malaysia.

**Gambarajah 6: Hasil Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan Bagi Tahun 2019**




Sumber : JTKSM

**Gambarajah 7: Pencapaian Pemeriksaan Khas Penguatkuasaan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**




Sumber: JTKSM

## Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM)

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 bertujuan untuk membasmi isu pemerdagangan orang yang melibatkan warganegara dan bukan warganegara secara holistik. Pada tahun 2010, Akta ini telah dipinda dan dinamakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) (ATIPSOM). Penguatkuasaan Akta ini merangkumi 3 aspek iaitu pendakwaan, pencegahan dan perlindungan mangsa. Akta 670 ini telah mengubah landskap tanggungjawab JTKSM daripada pentadbir perburuhan yang menguatkuasakan undang-undang sosial kepada undang-undang jenayah.

Pengendalian Kes ATIPSOM Bagi Tahun 2019

**7** Kes

Sumber: JTKSM

Sebanyak 7 kes aduan ATIPSOM disiasat oleh JTKSM pada tahun 2019 dan telah selesai berikutan tiada indikator buruh paksa.






## Operasi *One Visit-Policy*

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*), KSM melalui kerjasama agensi-agensi di bawahnya iaitu JTKSM, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), dan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan (CKSP) telah menjalankan operasi penguatkuasaan undang-undang perburuhan secara bersepadu yang dikenali *"Ops One Visit-Policy"*.

### PERANAN JABATAN/AGENSI YANG TERLIBAT

**JTKSM**

- Menyemak rekod-rekod pekerja, gaji dan lain-lain dokumen penggajian pekerja
- Merakam percakapan saksi dan menyediakan kertas siasatan
- Memberikan khidmat nasihat perburuhan kepada majikan

**PSMB**

- Menyemak rekod gaji dan daftar pekerja
- Membuat pendaftaran ke pada majikan yang layak
- Memberi khidmat nasihat kepada majikan
- Menguatkuasakan Akta PSMB 2001

**PERKESO**

- Menyemak rekod daftar, caruman dan gaji pekerja
- Mengeluarkan kompaun kepada majikan yang melakukan pelanggaran Akta PERKESO 1969
- Memberi khidmat nasihat kepada majikan

**Hasil Operasi *One Visit-Policy* Bagi Tahun 2019**

Bilangan Operasi
12

Bilangan Majikan
161

Sumber: JTKSM









## Operasi Bersepadu Dengan Agensi Lain

Bagi memerangi isu pemerdagangan dan penyeludupan manusia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Pejabat Strategik Nasional Majlis Antipemerdagangan Orang (NSO MAPO) telah mewujudkan Petugas Khas ATIPSOM (*Task Force* ATIPSOM) pada tahun 2017. *Task Force* ATIPSOM dianggotai oleh pegawai penguatkuasa dari Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) bertujuan untuk merangsang penyelarasan operasi bersepadu di antara agensi penguatkuasa di bawah Seksyen 27, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Bagi melicinkan pelaksanaan *task force* tersebut, Operasi bersepadu secara strategik antara JTKSM dengan PDRM, JIM, JKDM dan APMM dipertingkatkan dan diperkasakan bagi tujuan merealisasikan hasrat Kerajaan membanteras pemerdagangan manusia khususnya buruh paksa di bawah Akta ATIPSOM 2007.

**Bilangan Operasi Bersepadu Bagi Tahun 2019**

**17**

Sumber: JTKSM







## PERMIT PERBURUHAN

JTKSM boleh memutuskan untuk mengeluarkan kebenaran atau pengecualian daripada pemakaian peruntukan undang-undang buruh untuk seksyen-seksyen dan peraturan-peraturan tertentu melalui pemberian permit perburuhan setelah siasatan dilakukan. Objektif pengeluaran permit perburuhan adalah untuk membantu industri mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan automasi bagi meningkatkan produktiviti di samping memelihara standard-standard perburuhan melibatkan kepentingan pekerja.

Permit-permit tersebut perlu dimohon oleh majikan berdasarkan peruntukan undang-undang dalam Akta yang berkenaan. Melalui pengeluaran permit yang diberikan, JTKSM dapat memantau majikan bagi memastikan hak-hak pekerja tidak terabai dan dilindungi serta menepati standard-standard minimum yang ditetapkan

### Jenis-jenis permit perburuhan

- Membayar Gaji Lewat (Seksyen 19 Akta Kerja 1955)
- Pendahuluan Gaji (Seksyen 22 Akta Kerja 1955)
- Potongan Gaji (Seksyen 24 Akta Kerja 1955)
- Pengecualian Daripada Sekatan Kerja Malam Bagi Pekerja Wanita (Seksyen 34 Akta Kerja 1955)
- Mengumpul Cuti Rehat Mingguan (Seksyen 59(1) Akta Kerja 1955)
- Kelonggaran Waktu Kerja Biasa (Seksyenj 60A (1A) Akta Kerja 1955)
- Kebenaran Waktu Kerja Syif (Seksyen 60C Akta Kerja 1955)
- Bekerja Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa 104 jam sebulan (Seksyen 60A(4)(a) Akta Kerja 1955)
- Kelulusan Skim Bayaran Insentif (Seksyen 60(I)(3) Akta Kerja 1955)
- Menyimpan Daftar Di Ibu Pejabat (Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kerja 1957, Akta Kerja 1955)
- Kebenaran Orang Muda (Perempuan) Berumur Kurang Daripada 18 Tahun Bekerja di Kelab (Seksyen 2(3) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.
- Menyimpan Daftar Dalam Bentuk Lain (Seksyen 61(3) Akta Kerja 1955)
- Kebenaran Kanak-Kanak Dan Orang Muda Mengambil Bahagian Dalam Hiburan Awam (Seksyen 7(2) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

**Jadual 10 : Bilangan Permohonan Permit Perburuhan Mengikut Jenis Bagi Tahun 2019**

| Jenis | Bil. Permohonan diterima |
|---|---|
| Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 | 91 |
| Seksyen 19 Akta Kerja 1955 (Masa bayaran upah) | 60 |
| Seksyen 22 Akta Kerja 1955 (Pendahuluan Upah) | 39 |
| Seksyen 24 Akta Kerja 1955 (Potongan Upah) | 1,657 |
| Seksyen 34 Akta Kerja 1955 (Larangan Kerja Malam) | 321 |
| Seksyen 59(1B) Akta Kerja 1955 (Hari Rehat Hari Lain) | 9 |
| Seksyen 60A(1) Akta Kerja 1955 (Kelonggaran Waktu Kerja) | 28 |
| Seksyen 60A(4)(a) Akta Kerja 1955 (Had Kerja Lebih Masa) | 307 |
| Seksyen 60C Akta Kerja 1955 (Kerja Syif) | 3 |
| Seksyen 60(I)(3) Akta Kerja 1955 (Skim Insentif) | 69 |
| Seksyen 61(3) Akta Kerja 1955 (Menyimpan Daftar) | 925 |
| Permit-permit Lain | 75 |
| **JUMLAH** | **3,584** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

## AGENSI PEKERJAAN SWASTA (APS)

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 mula berkuatkuasa pada 19 Februari 1981 untuk mengawal aktiviti APS dan menjaga hak serta kebajikan pencari kerja. Pada 14 Ogos 2017, pindaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 telah diluluskan dan mula dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018.

Objektif pindaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 pada tahun 2017 adalah:

i. Menambahbaik dan memodenkan perundangan berkaitan APS selaras dengan keperluan semasa.
ii. Memperjelaskan pemakaian akta ini meliputi perekrutan pekerja asing dan pekhidmat domestik asing.
iii. Memperkasa aktiviti penguatkuasaan.

**Syarat-syarat Pemberian Lesen (Seksyen 9, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981)**



### Kategori Lesen APS

| | LESEN A | LESEN B | LESEN C |
|---|---|---|---|
| | Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam negara | Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar negara dan pekhidmat domestik asing dalam negara | Untuk penempatan pekerjaan warganegara di dalam dan luar negara dan bukan warganegara dalam negara |
| Modal berbayar | RM50,000 | RM100,000 | RM250,000 |
| Wang Jaminan (WJ) | RM5,000 | RM100,000 | RM250,000 |
| WJ untuk tubuh cawangan baru | RM5,000 | RM30,000 | RM100,000 |

Sumber: Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

Wang jaminan yang ditetapkan dalam Akta adalah sebagai suatu jaminan untuk memastikan APS memenuhi tanggungjawab terhadap pencari kerja, pekerja bukan warganegara dan majikan. Wang jaminan boleh digunakan jika APS gagal memenuhi tanggungjawab bagi menampung segala kos perbelanjaan pekerja yang teraniaya termasuklah kos penghantaran pulang ke negara asal. Penetapan jumlah wang jaminan adalah mengikut kategori lesen.

APS hendaklah beroperasi di premis yang dinyatakan dalam lesen. APS yang hendak menukar atau berpindah premis perniagaan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah JTKSM.

Selain itu, setiap pekerja APS yang menjalankan aktiviti merekrut hendaklah mempunyai dokumen pengenalan diri. Tujuan dokumen pengenalan diri ini diperkenalkan adalah bagi mencegah penyamaran, eksploitasi dan penipuan. Tempoh sah laku dokumen pengenalan diri pekerja APS adalah sama seperti tempoh sah laku lesen.

**Jadual 11: Statistik Dokumen Pengenalan Diri Agensi Pekerjaan Swasta (APS) Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2019**

| TAHUN | DOKUMEN PENGENALAN DIRI MENGIKUT KATEGORI LESEN | | | |
|---|---|---|---|---|
| | A | B | C | JUMLAH |
| 2018 | 123 | 547 | 438 | 1,108 |
| 2019 | 265 | 250 | 736 | 1,251 |
| **JUMLAH** | **388** | **797** | **1,174** | **2,359** |

Sumber : Laporan Manual Unit APS, JTKSM

Berdasarkan **Jadual 11** di atas, jumlah dokumen pengenalan diri yang telah dikeluarkan sejak pindaan akta dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018 bagi pekerja APS adalah sebanyak 2,359 iaitu 388 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori A, 797 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori B dan 1,174 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori C. Sebanyak 1,251 daripada 2,359 dokumen pengenalan diri adalah dikeluarkan pada tahun 2019. Ini melibatkan 265 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori A, 250 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori B dan 736 dokumen pengenalan diri bagi lesen kategori C.

Tempoh sah suatu lesen adalah 24 bulan dari tarikh lesen dikeluarkan. Permohonan pembaharuan lesen APS perlu dikemukakan kepada jabatan sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen. Oleh itu, memandangkan pindaan akta dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018, maka tiada permohonan pembaharuan lesen dikendalikan pada tahun 2019.

Sejak pindaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018 sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 938 lesen iaitu kategori A sebanyak 227, kategori B sebanyak 308 dan kategori C sebanyak 403 dicetak dan dikeluarkan bagi membolehkan APS menjalankan aktiviti dan beroperasi secara sah. Jumlah tersebut merangkumi lesen induk dan cawangan APS. Pecahan sebanyak 445 lesen daripada jumlah keseluruhan 938 iaitu iaitu kategori A sebanyak 149, kategori B sebanyak 83 dan kategori C sebanyak 213 adalah dicetak dan dikeluarkan sepanjang tahun 2019.

**Jadual 12: Jumlah Lesen Agensi Pekerjaan Swasta (APS) Yang Dikeluarkan Mengikut Negeri Dan Kategori Lesen Bagi Tahun 2019**

| NEGERI | INDUK Kategori Lesen A | INDUK B | INDUK C | INDUK Jumlah | CAWANGAN Kategori Lesen A | CAWANGAN B | CAWANGAN C | CAWANGAN Jumlah | INDUK DAN CAWANGAN Kategori Lesen A | INDUK DAN CAWANGAN B | INDUK DAN CAWANGAN C | INDUK DAN CAWANGAN Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Johor | 9 | 12 | 25 | **46** | 3 | 3 | 1 | **7** | 12 | 15 | 26 | **53** |
| Kedah | 4 | 3 | 3 | **10** | 0 | 0 | 0 | **0** | 4 | 3 | 3 | **10** |
| Kelantan | 0 | 1 | 0 | **1** | 0 | 0 | 0 | **0** | 0 | 1 | 0 | **1** |
| Melaka | 5 | 0 | 4 | **9** | 1 | 0 | 0 | **1** | 6 | 0 | 4 | **10** |
| Negeri Sembilan | 1 | 2 | 7 | **10** | 0 | 1 | 0 | **1** | 1 | 3 | 7 | **11** |
| Pahang | 1 | 1 | 2 | **4** | 0 | 0 | 0 | **0** | 1 | 1 | 2 | **4** |
| Pulau Pinang | 9 | 8 | 17 | **34** | 3 | 3 | 2 | **8** | 12 | 11 | 19 | **42** |
| Perak | 2 | 2 | 4 | **8** | 0 | 1 | 0 | **1** | 2 | 3 | 4 | **9** |
| Perlis | 0 | 0 | 1 | **1** | 0 | 0 | 0 | **0** | 0 | 0 | 1 | **1** |
| Selangor | 45 | 27 | 87 | **159** | 1 | 5 | 0 | **6** | 46 | 32 | 87 | **165** |
| Terengganu | 0 | 0 | 1 | **1** | 0 | 0 | 0 | **0** | 0 | 0 | 1 | **1** |
| WP Kuala Lumpur | 65 | 14 | 58 | **137** | 0 | 0 | 1 | **1** | 65 | 14 | 59 | **138** |
| WP Labuan | 0 | 0 | 0 | **0** | 0 | 0 | 0 | **0** | 0 | 0 | 0 | **0** |
| **JUMLAH** | **9** | **70** | **209** | **420** | **8** | **13** | **4** | **25** | **149** | **83** | **213** | **445** |

Sumber : Laporan Manual Unit APS, JTKSM

Berdasarkan jadual di atas lesen yang paling banyak dikeluarkan adalah di bawah kategori lesen C iaitu sebanyak 213 daripada keseluruhan lesen dikeluarkan pada tahun 2019. Tiga negeri yang mencatatkan pengeluaran lesen tertinggi adalah Selangor, WP Kuala Lumpur dan Johor iaitu masing- masing mencatatkan sebanyak 165, 138 dan 53 lesen daripada keseluruhan jumlah lesen.

## PENGENDALIAN ADUAN

Pengendalian aduan perburuhan secara efektif dan cepat adalah antara matlamat yang telah digariskan di dalam piagam pelanggan JTKSM. Jabatan amat komited dalam memastikan pengendalian aduan yang diterima, disiasat dan diselesaikan dengan berkesan serta memuaskan hati pelanggan Jabatan.

Aduan-aduan perburuhan ini diterima melalui pelbagai sumber seperti *stakeholders*, Biro Pengaduan Awam, media massa, *non-government organizations* (NGO), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, laman sesawang jabatan, surat, telefon, emel atau hadir ke Pejabat Tenaga Kerja.

**Gambarajah 8: Bilangan Aduan Bagi Tahun 2019**




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan **Gambarajah 8** di atas, sebanyak 5,333 kes aduan telah dikendalikan dengan sebanyak 4,904 (92%) kes telah berjaya diselesaikan.

**Jadual 13 : Bilangan Kes Aduan Dikendali Dan Diselesaikan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bilangan Kes Dikendali | Bilangan Kes Selesai | Peratus Selesai (%) |
|---|---|---|---|
| Johor | 766 | 724 | 94.52 |
| Kedah | 355 | 331 | 93.24 |
| Kelantan | 198 | 186 | 93.94 |
| Melaka | 372 | 351 | 94.35 |
| Negeri Sembilan | 359 | 321 | 89.42 |
| Pahang | 192 | 173 | 90.10 |
| Pulau Pinang | 374 | 346 | 92.51 |
| Perak | 641 | 586 | 91.42 |
| Perlis | 50 | 49 | 98 |
| Selangor | 1,189 | 1,115 | 93.78 |
| Terengganu | 173 | 166 | 95.95 |
| WP Kuala Lumpur | 616 | 519 | 84.25 |
| WP Labuan | 48 | 37 | 77.08 |
| **JUMLAH** | **5,333** | **4,904** | **91.96** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan **Jadual 13** di atas, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi bilangan kes aduan dikendali iaitu 1,189 (94%) berbanding jumlah keseluruhan kes aduan sebanyak 5,333 kes. Secara keseluruhan sebanyak 4,904 (92%) kes aduan telah berjaya diselesaikan.

## Aduan Gangguan Seksual

JTKSM komited untuk memberikan perlindungan yang maksimum kepada para pekerja. Sehubungan itu, Peruntukan Akta Kerja 1955 Bahagian XVA, Gangguan Seksual terpakai kepada semua pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan tanpa mengira jumlah upah. Peruntukan ini menetapkan agar setiap majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual yang diterima. Sekiranya majikan enggan, pengadu yang tidak berpuas hati boleh merujuk perkara itu kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

JTKSM telah mengendalikan sebanyak 23 aduan gangguan seksual di tempat pekerjaan dan menjalankan sebanyak 13 promosi kesedaran mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja kepada majikan.

## KERTAS SIASATAN

Kertas Siasatan (KS) merupakan dokumen terperingkat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) yang disediakan oleh pegawai bertujuan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas majikan yang dikesan telah gagal mematuhi peruntukan undang-undang dan juga peraturan yang dikuatkuasakan oleh JTKSM. Mana-mana majikan yang dikesan telah gagal mematuhi undang-undang dan juga peraturan yang dikuatkuasakan JTKSM boleh dikenakan tindakan pendakwaan atau kompaun tertakluk kepada keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Bagi tahun 2019, sebanyak 863 KS telah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang JTKSM. Status kertas siasatan adalah seperti gambarajah di bawah:

**Gambarajah 9: Pecahan Statistik Kertas Siasatan Bagi Tahun 2019**




Sumber: JTKSM

## Gambarajah 10: Pecahan Kertas Siasatan Mengikut Negeri & Akta Bagi Tahun 2019

| PULAU PINANG | PERLIS | KEDAH | KELANTAN | TERENGGANU | PAHANG | WP LABUAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 0 | 9 | 14 | 12 | 26 | 0 | 2 |
| 53 | 0 | 42 | 29 | 34 | 24 | 8 |
| 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 1 | 0 | 0 | 1 | 2 | 0 | 0 |
| 10 | 2 | 14 | 14 | 13 | 0 | 3 |
| 69 | 11 | 72 | 56 | 75 | 24 | 13 |



| PERAK |
|---|
| 7 |
| 45 |
| 6 |
| 0 |
| 0 |
| 1 |
| 6 |
| 65 |

| SELANGOR |
|---|
| 5 |
| 103 |
| 1 |
| 8 |
| 0 |
| 1 |
| 9 |
| 127 |

| WP KUALA LUMPUR | NEGERI SEMBILAN | MELAKA | JOHOR |
|---|---|---|---|
| 1 | 6 | 13 | 20 |
| 33 | 42 | 59 | 145 |
| 0 | 3 | 5 | 7 |
| 2 | 0 | 2 | 0 |
| 2 | 0 | 4 | 3 |
| 0 | 0 | 6 | 0 |
| 11 | 8 | 5 | 12 |
| 49 | 59 | 94 | 187 |

Petunjuk:
- Akta MPGN
- Akta Kerja
- Akta Pampasan Pekerja
- Akta APS
- Akta Kanak-Kanak & Orang Muda (Pekerjaan)
- Kanun Keseksaan
- Peraturan Kerja
- *Jumlah Kertas Siasatan (KS)

Sumber: JTKSM

## PENDAKWAAN

Aktiviti pendakwaan dilaksanakan untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan serta mengekang berlakunya kesalahan berulang di samping memelihara hak-hak pekerja.

Bagi tahun 2019, sebanyak 380 KS telah diberikan izin dakwa oleh TPR. Daripada jumlah tersebut, 210 KS adalah di bawah Akta Kerja 1955, 79 KS di bawah Akta MPGN 2018, dan 91 KS dibawah lain-lain Akta dengan jumlah denda keseluruhan sebanyak RM503,650.00

**Gambarajah 11 : Status Pendakwaan Bagi Tahun 2019**




Sumber: JTKSM

**Jadual 14: Pecahan Kes Berjaya Dakwa Mengikut Negeri & Akta Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bilangan Kes Berjaya Dakwa | Akta | | | Jumlah Denda (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | MPGN | Akta Kerja | Lain-lain Akta | |
| Johor | 64 | 9 | 35 | 20 | 43,850.00 |
| Kedah | 30 | 6 | 16 | 8 | 22,000.00 |
| Kelantan | 36 | 12 | 13 | 11 | 40,500.00 |
| Melaka | 56 | 8 | 30 | 18 | 138,500.00 |
| Negeri Sembilan | 33 | 5 | 21 | 7 | 37,900.00 |
| Pahang | 3 | 0 | 3 | 0 | 4,800.00 |
| Pulau Pinang | 3 | 0 | 2 | 1 | 5,000.00 |
| Perak | 41 | 4 | 22 | 15 | 34,500.00 |
| Perlis | 9 | 4 | 0 | 5 | 6,100.00 |
| Selangor | 64 | 3 | 57 | 4 | 97,900.00 |
| Terengganu | 27 | 25 | 1 | 1 | 24,500.00 |
| WP Kuala Lumpur | 12 | 1 | 10 | 1 | 48,100.00 |
| WP Labuan | 2 | 2 | 0 | 0 | 0.00 |
| **Jumlah** | **380** | **79** | **210** | **91** | **503,650.00** |

Sumber: JTKSM

## KOMPAUN

Pada tahun 2019, sebanyak 279 majikan telah dikompaun dengan bilangan tawaran kompaun sebanyak 384 melibatkan jumlah denda RM 326,500.00. Mana-mana majikan yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh masa yang ditetapkan akan diambil tindakan pendakwaan.

**Jadual 15: Pecahan Kompaun Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bil. Majikan | Bil. Kompaun | Jumlah Denda (RM) |
|---|---|---|---|
| Johor | 88 | 118 | 93,500.00 |
| Kedah | 15 | 19 | 3,000.00 |
| Kelantan | 28 | 30 | 24,000.00 |
| Melaka | 4 | 9 | 7,500.00 |
| Negeri Sembilan | 23 | 28 | 84,500.00 |
| Pahang | 12 | 14 | 10,500.00 |
| Pulau Pinang | 43 | 55 | 15,000.00 |
| Perak | 6 | 14 | 45,000.00 |
| Perlis | 2 | 2 | 0.00 |
| Selangor | 16 | 29 | 15,000.00 |
| Terengganu | 29 | 43 | 18,000.00 |
| WP Kuala Lumpur | 10 | 18 | 10,500.00 |
| WP Labuan | 3 | 5 | 0.00 |
| **JUMLAH** | **279** | **384** | **326,500.00** |

Sumber: JTKSM

## KES BURUH

Kes buruh dikendalikan di bawah Seksyen 69, Akta Kerja 1955 (Akta 265). Perbicaraan kes buruh dikendalikan di Mahkamah Buruh bagi tuntutan kewangan oleh pekerja dan juga pihak majikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 265. Terdapat juga tuntutan bukan kewangan dikendalikan sebagai kes buruh di bawah Seksyen 69(3) Akta 265. Prinsip keadilan asasi yang mengandungi dua elemen iaitu: *right to a fair hearing (audi alteram partem) dan rule against bias (nemo judex in causa sua)* sangat dititikberatkan dalam pengendalian kes buruh.

### Jenis-Jenis Tuntutan Kes Buruh Di Bawah Akta Kerja 1955






**Kes Buruh Yang Dikendali dan Diselesaikan Bagi Tahun 2019**




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

**Jadual 16: Kes Buruh Yang Dikendali dan Diselesaikan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bil. Kes Kendali | Bil. Kes Selesai | Jumlah Perintah (RM) |
|---|---|---|---|
| Johor | 1,223 | 1,133 | 3,628,486.00 |
| Kedah | 776 | 690 | 13,766,643.00 |
| Kelantan | 325 | 304 | 788,743.00 |
| Melaka | 633 | 572 | 1,047,834.00 |
| Negeri Sembilan | 803 | 712 | 1,666,518.00 |
| Pahang | 767 | 707 | 1,295,913.00 |
| Pulau Pinang | 1,206 | 1,068 | 1,510,478.00 |
| Perak | 1,598 | 1,399 | 2,791,872.00 |
| Perlis | 98 | 85 | 124,077.00 |
| Selangor | 4,485 | 4,039 | 13,019,034.00 |
| Terengganu | 465 | 437 | 1,602,086.00 |
| WP Kuala Lumpur | 2,680 | 2,328 | 3,777,347.00 |
| WP Labuan | 38 | 33 | 104,464 |
| **JUMLAH** | **15,097** | **13,607** | **45,123,494.00** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan jadual di atas, negeri yang mengendalikan kes buruh tertinggi ialah Selangor dengan jumlah 4,485 kes membabitkan jumlah perintah RM13,019,034.00 diikuti dengan WP Kuala Lumpur sebanyak 2,680 kes buruh dengan nilai RM 3,777,347.00.

**Jadual 17: Kes Buruh Yang Dikendali Mengikut Negeri Dan Tempoh Masa Bagi Tahun 2019**

| Negeri | Bil. Kes Kendali | Bil. Kes Diselesaikan (Hari) | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil. Selesai | ≤ 60 hari | 60 ≥ 90 hari | ≥ 91 hari |
| Johor | 1,223 | 1,133 | 983 | 138 | 12 |
| Kedah | 776 | 690 | 520 | 109 | 61 |
| Kelantan | 325 | 304 | 245 | 33 | 26 |
| Melaka | 633 | 572 | 455 | 69 | 48 |
| Negeri Sembilan | 803 | 712 | 536 | 97 | 79 |
| Pahang | 767 | 707 | 527 | 143 | 37 |
| Pulau Pinang | 1,206 | 1,068 | 734 | 168 | 166 |
| Perak | 1,598 | 1,399 | 1,002 | 262 | 135 |
| Perlis | 98 | 85 | 55 | 19 | 11 |
| Selangor | 4,485 | 4,139 | 3,275 | 559 | 305 |
| Terengganu | 465 | 435 | 398 | 27 | 12 |
| WP Kuala Lumpur | 2,680 | 2,328 | 1,486 | 535 | 307 |
| WP Labuan | 38 | 33 | 25 | 0 | 8 |
| **JUMLAH** | **15,097** | **13,607** | **10,241** | **2,159** | **1,207** |

Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 10,241 kes telah diselesaikan dalam tempoh masa 60 hari oleh pegawai di lapangan. Manakala sebanyak 2,159 kes yang diselesaikan dalam lingkungan tempoh masa 61 hari dan tidak melebihi 90 hari. Hanya 1,207 kes sahaja yang diselesaikan dalam tempoh melebihi 90 hari,

## PINDAAN UNDANG-UNDANG

Sepanjang tahun 2019, JTKSM terlibat dalam pindaan secara holistik akta-akta perburuhan yang dikuatkuasakan iaitu Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 [Akta 350], Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265].

Semakan dan pengemaskinian selaras dengan standard antarabangsa dan keperluan pasaran buruh semasa telah dilaksanakan untuk 2 undang-undang berikut:

### Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan )1966 [Akta 350]

Pindaan Akta ini telah diluluskan di Parlimen pada Oktober 2018 dan mula berkuatkuasa pada 1 Februari 2019. Sesi taklimat berkaitan pindaan Akta 350 kepada pegawai-pegawai lapangan telah diadakan sepanjang bulan April 2019 di zon Tengah, Timur, Utara dan Selatan.



**Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] (Pindaan 2019).**

Pindaan Akta ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dan seterusnya diluluskan di Dewan Negara pada 31 Julai 2019 dan diwartakan pada 23 September 2019 dan dijadual untuk dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2020.

Jabatan turut menyediakan garis panduan kepada majikan dan penyedia penginapan mengenai standard minimum penginapan pekerja.



**Akta Kerja 1955 (Akta 265)**

JTKSM telah meneruskan kajian, semakan semula dan gubalan Akta Kerja 1955 dan peraturan-peraturan baharu yang berkaitan sejak tahun 2016. Beberapa sesi mesyuarat dan perbincangan antara JTKSM dengan pemegang taruh serta Jabatan Peguam Negara merupakan antara proses penting pembangunan undang-undang berikut :

1. Akta Kerja 1955 (Akta 265);
2. Peraturan-peraturan berhubung *Procedure To Inquire Into Complaints Of Sexual Harassment* dan *Employment (Domestic Employee)*; dan
3. Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja.







## PENGURUSAN PEKERJA ASING




### Perakuan JTKSM Bagi Permohonan Penggajian Pekerja Asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)

Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) adalah satu sistem secara atas talian yang telah diperkenalkan dan digunapakai bermula 1 Februari 2017 bagi memudahkan urusan permohonan majikan untuk mendapatkan Perakuan JTKSM. Perakuan JTKSM adalah bertujuan untuk memastikan keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan diberikan kepada pekerja tempatan, memastikan kesahihan operasi majikan serta kewujudan premis perniagaan yang sah, memastikan pematuhan majikan terhadap undang-undang perburuhan dan penginapan pekerja serta membolehkan tindakan susulan melalui pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang perburuhan dilaksanakan dengan berkesan.

**Jadual 18 : Permohonan Perakuan Dan Bilangan Pekerja Asing Yang Terlibat Mengikut Sektor Bagi Tahun 2019**

| Sektor | Permohonan Perakuan Pekerja Asing | | | Bilangan Pekerja Asing Terlibat | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Selesai | Lulus | Tolak | Selesai | Lulus | Tolak |
| Perkilangan | 6,042 | 2,197 | 3,845 | 329,804 | 105,502 | 224,302 |
| Perkhidmatan | 3,040 | 635 | 2,405 | 92,993 | 7,402 | 85,591 |
| Pertanian | 1,895 | 735 | 1,160 | 46,618 | 13,105 | 33,513 |
| Perladangan | 1,143 | 343 | 800 | 117,922 | 42,873 | 75,049 |
| Pembinaan | 826 | 212 | 614 | 99,328 | 25,847 | 73,481 |
| **Jumlah** | **12,946** | **4,122 (32%)** | **8,824 (68%)** | **686,665** | **194,729 (28%)** | **491,936 (72%)** |

Sumber: JTKSM

Berdasarkan **Jadual 18** di atas menunjukkan sebanyak 12,946 permohonan yang melibatkan 686,665 orang pekerja asing telah diselesaikan, dari jumlah tersebut 4,122 (32%) yang melibatkan 194,729 (28%) orang telah diluluskan manakala 8,824 (68%) permohonan telah ditolak melibatkan 491,936 (72%) orang pekerja asing. Sektor perkilangan menyumbang kepada bilangan tertinggi permohonan penggajian pekerja asing iaitu sebanyak 6,042 (47%) permohonan dan 329,804 orang pekerja.

## Penggantian Pekerja Asing (PGPA)

Pada 29 Mei 2019, Kerajaan telah mengumumkan bahawa pelaksanaan Pengambilan Penggantian Pekerja Asing (PGPA) bermula pada 1 Julai 2019. Dasar PGPA dibuka semula untuk membantu industri menyelesaikan isu kekurangan tenaga kerja bagi memastikan daya pengeluaran produk dan pencapaian eksport negara tidak terjejas. Permohonan PGPA adalah terbuka kepada semua sektor.

Jabatan yang terlibat dalam melaksanakan PGPA ini adalah JTKSM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Bahagian Pengurusan Pekerja Asing,Kementerian Dalam Negeri (BPA, KDN), Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA), Kementerian Perusahaan Peladangan Dan Komoditi (MPIC), Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan (MOTAC), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia. (JMG)

**PENGGANTIAN PEKERJA ASING (PGPA)**



**Jadual 19 : Permohonan Dan Keputusan Penggantian Pekerja Asing Mengikut Sektor Bagi Tahun 2019**

| SEKTOR | PERMOHONAN SELESAI | KEPUTUSAN | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | LULUS | % | TOLAK | % |
| Perkilangan | 1,081 | 497 | 20% | 584 | 24% |
| Perkhidmatan | 1,047 | 560 | 22% | 487 | 20% |
| Pertanian | 123 | 62 | 3% | 61 | 3% |
| Perladangan | 109 | 66 | 3% | 43 | 1% |
| Pembinaan | 116 | 43 | 1% | 73 | 3% |
| **JUMLAH** | **2,476** | **1,228** | **49%** | **1,248** | **51%** |

Sumber: JTKSM

Berdasarkan **Jadual 19** di atas menunjukkan sebanyak 2,476 permohonan telah diselesaikan dan daripada jumlah tersebut 1,228 (49%) permohonan telah diluluskan manakala 1,248 (51%) permohonan telah ditolak. Sektor perkilangan memohon PGPA tertinggi sebanyak 1,081 (43%) permohonan berbanding sektor-sektor lain.

## Pengesahan *(Attestation) Demand Letter* Bagi Pengambilan Pekerja Asing Warganegara Nepal

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Nepal semasa Mesyuarat *Joint Working Group* Kedua pada 11 dan 12 September 2019 di Putrajaya telah bersetuju untuk membuka semula pengambilan pekerja asing warganegara Nepal berkuatkuasa pada 15 September 2019.

Bagi tujuan pengambilan pekerja asing dari Nepal, kedua-kedua negara telah bersetuju supaya majikan mendapatkan pengesahan *Demand Letter* daripada JTKSM dan Bahagian Konsular, Kementerian Luar Negeri (KLN).

**Gambarajah 12: Jumlah Pengesahan *(Attestation) Demand Letter* Bagi Pengambilan Pekerja Asing Warganegara Nepal Tahun 2019 (15 September 2019 – 31 Disember 2019)**




Sumber: JTKSM

Berdasarkan **gambarajah 12** di atas menunjukkan sebanyak 1,597 pengesahan *Demand Letter* yang telah diterima dan pengesahan *Demand Letter* tertinggi dibuat di Ibu Pejabat JTKSM.

## Pertukaran Majikan Menggajikan Pekerja Asing

Pertukaran Majikan merupakan aktiviti yang membenarkan pekerja asing ditukarkan kepada majikan lain sekiranya majikan asal menghadapi masalah untuk terus menggajikan pekerja asing dan dibenarkan untuk melepaskan pekerja asing tersebut kepada majikan baharu.

Majikan dibenarkan membuat permohonan pertukaran pekerja asing melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN), manakala JTKSM akan membuat siasatan perburuhan dan memberikan syor ke atas permohonan tersebut. Kerajaan memberi kebenaran kepada majikan untuk membuat permohonan Pertukaran Majikan bagi kes-kes seperti berikut:-

**KES YANG DIBENARKAN MEMBUAT PERMOHONAN PERTUKARAN MAJIKAN**

1. Majikan diisytihar muflis;
2. Majikan telah menutup operasi syarikat;
3. Majikan yang ditimpa musibah dan tidak mampu menggaji pekerja asing;
4. Penstrukturan semula syarikat Enterprise kepada Sdn Bhd/ Berhad;
5. Perubahan nama syarikat atau nama pengarah/ lembaga pengarah; dan
6. Majikan asal telah meninggal dunia.

**Jadual 20 : Permohonan Dan Keputusan
Pertukaran Majikan Pekerja Asing Bagi Tahun 2019**

| NEGERI | TERIMA | KEPUTUSAN | | SELESAI |
|---|---|---|---|---|
| | | SOKONG | TOLAK | |
| Johor | 39 | 29 | 9 | 38 |
| Kedah | 1 | 1 | 0 | 1 |
| Kelantan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Melaka | 9 | 3 | 3 | 6 |
| Negeri Sembilan | 9 | 7 | 1 | 8 |
| Pahang | 6 | 5 | 1 | 6 |
| Pulau Pinang | 13 | 7 | 5 | 12 |
| Perak | 12 | 11 | 1 | 12 |
| Perlis | 1 | 1 | 0 | 1 |
| Selangor | 44 | 21 | 17 | 38 |
| Terengganu | 1 | 1 | 0 | 1 |
| WP Kuala Lumpur | 14 | 5 | 5 | 10 |
| WP Labuan | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **149** | **91 (68%)** | **42 (32%)** | **133** |

Sumber: JTKSM

Berdasarkan **Jadual 20** di atas menunjukkan daripada 149 permohonan yang diterima, tiga negeri tertinggi adalah Selangor (44), Johor (39) dan Kuala Lumpur (14). Manakala tiga negeri tertinggi yang diluluskan adalah Johor (29) , Selangor(21) dan Perak (11).

## Pampasan Pekerja Asing

Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) telah berkuat kuasa pada 1 November 1996 berdasarkan peruntukan Seksyen 26 (2) Akta Pampasan Pekerja 1952 yang memberi kuasa kepada YB Menteri Sumber Manusia untuk mewujudkan satu skim insurans. SPPA memberi pelindungan kepada pekerja asing yang mengalami bencana kerja dan/atau penyakit akibat pekerjaan (*occupational disease*) yang menyebabkan pekerja terbencana mengalami Hilang Upaya Sementara (HUS), Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Maut.

JTKSM bertanggungjawab untuk menjalankan taksiran pampasan ke atas kecederaan atau kematian pekerja asing yang terlibat dengan kemalangan di tempat pekerjaan di samping melaksanakan pembayaran wang pampasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan atau orang tanggungan pekerja asing yang maut di negara sumber.

Mulai 1 Januari 2019, selaras dengan *Convention C019 - Equality of Treatment (Accident Compensation) Convention*, kerajaan telah membuat keputusan agar semua pekerja asing yang mempunyai permit kerja yang sah wajib didaftarkan dan mencarum dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) untuk perlindungan Skim Bencana Pekerja (SBK), PERKESO. Walau bagaimanapun, pekerja asing sedia ada dalam Malaysia dan masih memiliki SPPA yang sah akan dianggap berdaftar dengan PERKESO sehari selepas tamat tempoh matang SPPA tertakluk kepada tarikh akhir SPPA atau pada 31 Disember 2019 (*cooling period*).

**Gambarajah 13 : Jumlah Permohonan Diterima Kes Pampasan Pekerja Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**




Sumber : *Labour Market Database* (LMD)

**Gambarajah 13** di atas menunjukkan sebanyak 2,879 permohonan diterima dan tiga negeri yang tertinggi iaitu Johor sebanyak 1,100 (38%), Selangor 548 (19%) dan Perak sebanyak 383 (13%).

## Perakuan Pekhidmat Domestik Indonesia

Protokol Pindaan *Memorandum Of Understanding* 2011 bagi pengambilan dan penempatan Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) telah menetapkan supaya semua majikan yang ingin menggajikan PDI hendaklah melalui pihak berkuasa Malaysia. Bakal majikan, PDI dan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) hendaklah mematuhi Protokol Pindaan MoU 2011 dalam proses pengambilan dan penempatan PDI.

Majikan yang ingin menggajikan PDI hendaklah berurusan dengan APS yang telah mempunyai Lesen B atau Lesen C oleh JTKSM. Bagi menggajikan PDI, majikan adalah bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara dalam menggajikan PDI seperti berikut :

i. membuka akaun bank atas nama PDI dan buku tersebut perlu diserahkan untuk simpanan PDI.
ii. membayar gaji bulanan melalui akaun bank PDI tidak lewat daripada 7hb bagi bulan berikutnya.
iii. membuat potongan gaji tidak melebihi 50% daripada gaji bulanan PDI (dinyatakan di dalam kontrak kerja).
iv. tidak dibenarkan menyimpan passport PDI kecuali telah mendapat kebenaran PDI melalui surat serahan pasport.
v. menyediakan daftar gaji dan daftar cuti mingguan.
vi. memberi satu hari rehat mingguan berbayar
vii. menyatakan jumlah gaji bulanan dan gaji tambahan sekiranya PDI bekerja pada hari rehat mingguan di dalam kontrak perkhidmatan

**Gambarajah 14: Permohonan Surat Perakuan PDI Melalui Sistem APS *Link-Up* Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**




Sumber: JTKSM

**Gambarajah 14** di atas menunjukkan sebanyak 5,882 permohonan diterima dan 3 negeri yang tertinggi iaitu Selangor sebanyak 2,355 (40%), Johor 548 (18%) dan WP Kuala Lumpur sebanyak 998 (17%).

# PERKHIDMATAN PEKERJAAN



## PERKHIDMATAN PEKERJAAN

Jabatan ini turut menjadi hub perkhidmatan pekerjaan negara kepada rakyat Malaysia selari dengan *Employment Service Convention,* 1948 (No.88) *International Labour Organisation* (ILO) yang diratifikasikan pada 16 Jun 1974. Ratifikasi ini menekankan bahawa perkhidmatan pekerjaan hendaklah diberi secara inklusif dan percuma kepada masyarakat.

## PERMINTAAN DAN PENAWARAN PEKERJAAN

**Gambarajah 15: Pendaftaran Kekosongan, Pendaftaran Pencari Kerja Aktif dan Penempatan Mengikut Kategori Siswazah dan Bukan Siswazah Bagi Tahun 2019**




Sumber: Portal JobsMalaysia & JTKSM

Permintaan dan penawaran pekerjaan melibatkan pendaftaran kekosongan sebanyak 985,132, pendaftaran pencari kerja aktif sebanyak 300,300 dan penempatan pekerjaan sebanyak 147,317. Daripada keseluruhan kekosongan aktif yang dilaporkan oleh pihak majikan hanya 15% penempatan yang berjaya dicatatkan di mana sebahagian besar disumbangkan oleh golongan bukan siswazah iaitu seramai 103,834 orang .

Jumlah siswazah yang berdaftar di dalam Portal JobsMalaysia adalah sebanyak 72% daripada jumlah keseluruhan pendaftaran pencari kerja aktif. Walau bagaimanapun, hanya 29.5% sahaja penempatan pekerjaan terdiri daripada golongan ini.

## Gambarajah 16 : Pendaftaran Kekosongan Jawatan Mengikut Kumpulan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) Bagi Tahun 2019




Sumber: Portal JobsMalaysia

Daripada **gambarajah 16** di atas didapati bahawa kategori operator, loji, mesin dan pemasang serta kategori pekerja asas mencatatkan jumlah kekosongan yang didaftarkan tertinggi iaitu 83.1% daripada jumlah keseluruhan.

## Graf 1: Pendaftaran Pencari Kerja Aktif Mengikut Status Pekerjaan Dan Umur Bagi Tahun 2019




Sumber: Portal JobsMalaysia

Berdasarkan **Graf 1** di atas seramai 300,300 orang pencari kerja aktif telah berdaftar dengan portal JobsMalaysia sepanjang tahun 2019. Majoriti pencari kerja adalah berumur dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun yang berjumlah sebanyak 199,947 orang. Jumlah pencari kerja berdaftar di dalam Portal JobsMalaysia yang berstatus bekerja lebih ramai berbanding yang berstatus tidak bekerja iaitu sebanyak 162,203 (54%) daripada jumlah keseluruhan.

**Gambarajah 17: Pendaftaran Dan Penempatan Pencari Kerja Mengikut Jantina, Kategori Siswazah dan Bukan Siswazah Bagi Tahun 2019**




Sumber: Portal JobsMalaysia & Laporan Manual Penempatan (LMP, JTKSM)

Berdasarkan **Gambarajah 17** di atas, didapati bahawa pendaftaran pencari kerja dalam kalangan wanita melebihi pencari kerja lelaki iaitu sebanyak 86,468 orang. Walau bagaimanapun, penempatan dalam kalangan pencari kerja lelaki didapati melebihi pencari kerja wanita iaitu sebanyak 10,473 orang.

Golongan siswazah berdaftar didapati melebihi golongan bukan siswazah iaitu seramai 132,166 orang. Walau bagaimanapun, penempatan pekerjaan bagi golongan siswazah adalah lebih rendah berbanding golongan bukan siswazah iaitu seramai 60,351 orang.

## PENEMPATAN PEKERJAAN

**Gambarajah 18: Penempatan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO)**




**JUMLAH 147,317**

Sumber: Laporan Manual Penempatan (LMP, JTKSM)

Merujuk **Gambarajah 18** di atas didapati kategori perkeranian, perkhidmatan dan jualan, pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan serta pekerja pertukangan dan yang berkaitan mencatatkan jumlah penempatan yang tertinggi iaitu sebanyak 36.1%.

## Gambarajah 19: Penempatan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) Bagi Tahun 2019




Sumber: Laporan Manual Penempatan (LMP, JTKSM)

Berdasarkan **gambarajah 19** di atas, sektor Pembuatan merupakan penyumbang terbesar penempatan pekerjaan iaitu sebanyak 44% daripada jumlah keseluruhan, diikuti sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaiki Kenderaan Bermotor dan Motosikal sebanyak 18% dan sektor Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman sebanyak 9%.

## Gambarajah 20: Penempatan Pekerjaan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019




Sumber: Laporan Manual Penempatan (LMP, JTKSM)

Merujuk **gambarajah 20** pula, Perak mencatatkan penempatan tertinggi iaitu 17,212 orang (11.7%) daripada jumlah keseluruhan penempatan sebanyak 147,317 orang. Manakala Perlis mencatatkan penempatan terendah iaitu 1,857 orang (1.3 %) daripada jumlah keseluruhan penempatan.

**Gambarajah 21: Penempatan Pekerjaan Mengikut Program dan Aktiviti Bagi Tahun 2019**




Sumber : Laporan Manual Penempatan (LMP, JTKSM)

Berdasarkan **gambarajah 21**, JobsMalaysia telah berjaya melaksanakan sebanyak 297 program karnival kerjaya, 1,481 temuduga terbuka dan 464 pameran serta ceramah kerjaya di seluruh negara. Program-program ini dilaksanakan kepada semua golongan sasar meliputi golongan graduan, pelajar sekolah, pekerja yang diberhentikan serta golongan khas yang terdiri daripada orang kurang upaya (OKU), bekas banduan, bekas penagih dadah, bekas juvana, ibu tunggal, gelandangan dan pesara.

Dari segi penempatan pekerjaan, program *client account* merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 46.7% diikuti oleh program temuduga terbuka dan karnival kerjaya iaitu masing-masing sebanyak 20.8% dan 20.6%.

# PROGRAM-PROGRAM KERJAYA

## Karnival Kerjaya JobsMalaysia 2019

Program Karnival Kerjaya JobsMalaysia telah dilaksanakan secara serentak seluruh negara pada 6 Julai 2019 melibatkan 329 majikan dengan  21,478 kekosongan jawatan ditawarkan. Seramai 12,582 orang pencari kerja telah menyertai sesi temuduga yang dijalankan. Daripada jumlah tersebut, 1,900 orang telah berjaya ditawarkan pekerjaan.














## Program Golongan Khas 2019

JTKSM melalui JobsMalaysia turut melaksanakan program bagi golongan khas seperti temuduga terbuka, karnival kerjaya dan kerjasama antara agensi sama ada secara khusus mahupun secara umum. Di samping itu, bagi membantu kebolehpekerjaan golongan ini, pihak JobsMalaysia juga turut memberi bimbingan kerjaya melalui kolaborasi bersama Universiti Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Institusi Latihan Dan Kemahiran Awam serta agensi-agensi berkaitan. Program bimbingan kerjaya yang diberikan meliputi persedian sebelum memasuki bidang pekerjaan seperti penyediaan *resume*, tips-tips temuduga dan ujian psikometrik melalui Portal JobsMalaysia. Senarai program Golongan Khas 2019 seperti **Jadual 21** di bawah.

**Jadual 21: Senarai Program Golongan Khas 2019**

| BIL. | NAMA PROGRAM | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | Karnival Pekerjaan, Kemahiran Dan Keusahawanan Insan Istimewa | Bengkel Motosikal Azhar, No.42, Kampung Batu 6, Jalan Tanjung Tualang,Batu Gajah, Perak | 17 Januari 2019 |
| 2 | Program Temuduga Terbuka Bagi Membantu Golongan Gelandangan (*Homeless*) | Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Jalan Pahang, Kuala Lumpur | 25 Januari 2019 |
| 3 | Program Temuduga Terbuka Bagi Membantu Golongan Gelandangan (*Homeless*) | Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Jalan Pahang, Kuala Lumpur | 8 Februari 2019 |
| 4 | Karnival Pekerjaan, Kemahiran Dan Keusahawanan Insan Istimewa | Kampung Mengkuang Layar, Utan Aji, Perlis | 12 Februari 2019 |
| 5 | Hari Terbuka Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) | Klinik Cure & Care Sungai Besi, Kuala Lumpur | 19 Februari 2019 |
| 6 | Temuduga Terbuka Golongan Khas | JobsMalaysia Negeri Sembilan | 20 Februari 2019 |
| 7 | Program Temuduga Terbuka Bagi Membantu Golongan Gelandangan (*Homeless*) | Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Jalan Pahang, Kuala Lumpur | 22 Februari 2019 |
| 8 | Ceramah Sempena Kursus Pra Bebas Siri 2/2019 Ccrc | Bilik Mesyuarat CCRC Perlop, Kuala Kangsar, Perak | 25 Februari 2019 |
| 9 | Program Temuduga Terbuka Bagi Membantu Golongan Gelandangan (*Homeless*) | Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Jalan Pahang, Kuala Lumpur | 8 Mac 2019 |
| 10 | Program Temu Seru *'Outreach'* OS Siri 1/2019 bagi Orang Sekatan (OS) | Dewan Serbaguna Psp Unit 6 Wakaf Tapai, Marang, Terengganu | 16 Mac 2019 |
| 11 | Program Karnival Kerjaya, Kemahiran Dan Keusahawanan Insan Istimewa (OKU) Peringkat Negeri Kedah 2019 | Perkarangan Hanturbo Spirit, Tanah Merah, Pendang Kedah | 17 Mac 2019 |
| 12 | Program Temuduga Terbuka Bagi Membantu Golongan Gelandangan (*Homeless*) | Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Jalan Pahang, Kuala Lumpur | 22 Mac 2020 |
| 13 | Program Pameran JobsMalaysia Sempena Majlis Konvokesyen Persatuan Orang Buta (MAB) | Kompleks MAB, Dewan Dato Ismail Salleh, Brickfields, Kuala Lumpur | 23 Mac 2019 |
| 14 | Mini Karnival OKU 2019 | Berjaya Megamall Kuantan | 13 April 2019 |
| 15 | Karnival Pekerjaan, Kemahiran Dan Keusahawanan Insan Istimewa | Taman Sena Jaya, Pokok Sena, Tasek Gelugor,Pulau Pinang | 21 April 2019 |
| 16 | Program Temuduga Terbuka Bagi Membantu Golongan Gelandangan (*Homeless*) | Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Jalan Pahang, Kuala Lumpur | 26 April 2019 |
| 17 | Karnival Pekerjaan OKU Negeri Sembilan 2019 | Ruang Legar Seremban Prima, Seremban | 17 Ogos 2019 |
| 18 | Meet And Greet Perserta Kursus Perhotelan Pelajar Sekolah Henry Gurney Ke Temasek Hotel | Temasek Hotel Ujong Pasir | 30 Ogos 2019 |
| 19 | Program Pembangunan Potensi Kerjaya Mahasiswa Orang Kurang Upaya(OKU) | Scholar's Suits Upsi | 20-22 September 2019 |
| 20 | Program Karnival Kerjaya OKU @ Merbok | Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok,Kedah | 22 September 2019 |
| 21 | Program Temuduga Terbuka Khas Bagi Banduan Penjara Sg Udang | Penjara Sg Udang, Melaka | 25 September 2019 |
| 22 | Karnival Prihatin JobsMalaysia | Movie Animation Park Studios (MAPS), Ipoh Perak | 12 Oktober 2019 |
| 23 | Karnival Kerjaya JobsMalaysia 2.0 | Kompleks Dewan Penjara Sg Udang Melaka | 26 Oktober 2019 |

# PROMOSI



## SKIM KHAS PEMBIAYAAN RUMAH PEKERJA ESTET (SKRE)

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Kerajaan telah memperuntukkan dana pusingan (*revolving fund*) sebanyak RM50 juta untuk memberi pembiayaan perumahan bagi pekerja-pekerja estet yang layak melalui Program Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE). Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai badan khas yang menguruskan pembiayaan.

### CIRI-CIRI SKRE

- Menawarkan pakej pembiayaan / pinjaman perumahan secara konvensional.
- Kadar faedah pinjaman yang tetap 2% setahun atas baki berkurangan pada keseluruhan tempoh pinjaman / pembiayaan.
- Tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun.
- Pinjaman menjangkau generasi kedua.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PINJAMAN SKRE

1. Warganegara Malaysia berumur 21 tahun hingga 59 tahun semasa memohon dan tidak melebihi 65 tahun semasa tamat tempoh bayaran.
2. Terbuka kepada pekerja tetap estet yang telah disahkan oleh majikan.
3. Terbuka kepada pekerja estet yang mempunyai pendapatan tetap dan tidak termasuk pekerja kontrak estet dan pesara.
4. Masih belum mengambil pinjaman / pembiayaan perumahan daripada lain-lain institusi kewangan.
5. Pendapatan seisi keluarga minima RM680.00 dan maksima RM4,000.00 sebulan.

### JENIS HARTANAH & JUMLAH PEMBIAYAAN

1. Pembiayaan maksimum sehingga RM150,000.00.
2. Nilai semasa hartanah atau harga belian tidak melebihi RM250,000.00 tertakluk kepada jumlah pinjaman.
3. Terbuka kepada pembelian hartanah baru dan rumah terpakai (*sub-sale*).
4. Bina rumah di atas tanah persendirian (pasangan, ibubapa atau anak) atau yang disediakan oleh majikan ladang tertakluk kepada jumlah pinjaman / pembiayaan maksimum RM150,000.00.
5. Terbuka kepada pembelian rumah
6. Kadar faedah terendah di pasaran iaitu 2% terhadap baki bulanan.
7. Pinjaman 2 generasi bagi merendahkan bayaran bulanan.




**Jadual 22: Status Permohonan dan Jumlah Pembiayaan Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) Bagi Tahun 2012 Hingga 2019**

| TAHUN | BIL. PEMOHON | LULUS | GAGAL | BATAL | JUMLAH PEMBIAYAAN (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 2012-2018 | 512 | 225 | 169 | 112 | 15,454,209.00 |
| 2019 | 54 | 22 | 14 | 11 | 2,447,956.00 |
| **JUMLAH** | **566** | **247** | **183** | **123** | **17,902,165.00** |

Sumber: JTKSM

Berdasarkan **Jadual 22**, daripada 566 permohonan SKRE sebanyak 247 (44%) telah diluluskan,183 (32%) permohonan gagal manakala 123 (22%) permohonan telah batal. Pembiayaan bagi program SKRE sehingga tahun 2019 berjumlah RM17,902,165.00.

**Gambarajah 22 : Status Permohonan dan Jumlah Pembiayaan Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) Mengikut Negeri Bagi Tahun 2012 Hingga 2019**




Sumber: JTKSM

Berdasarkan **Gambarajah 22**, Pahang telah mencatatkan kelulusan tertinggi iaitu sebanyak 109 permohonan melibatkan pembiayaan berjumlah RM10,665,510.00.

## SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA (SBGP-OKU)

Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) adalah satu usaha kerajaan untuk menggalakkan golongan kurang upaya menceburi bidang perniagaan.

Objektif utama SBGP-OKU adalah:

i. Membantu usahawan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berpotensi mengembangkan perniagaan melalui bantuan yang diterima; dan

ii. Meningkatkan penyertaan OKU dalam pekerjaan melalui pengembangan perniagaan OKU.

SBGP-OKU telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, dan ia telah diteruskan di bawah Rancangan Malaysia ke-10. Seterusnya, pihak kerajaan telah meneruskan projek ini di bawah Rancangan Malaysia ke-11 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Setiap permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penilai Peringkat Negeri dan seterusnya oleh Jawatankuasa Penilai Peringkat Kebangsaan, dengan nilai maksima kelulusan bagi setiap projek berjumlah RM100,000.00. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk peralatan perniagaan, pengubahsuaian premis perniagaan serta promosi perniagaan.

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN
### SKIM BANTUAN GALAKAN PERNIAGAAN ORANG KURANG UPAYA (SBGP-OKU)

| BIL | SYARAT |
|---|---|
| 1. | OKU hendaklah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); |
| 2. | Berumur 18 tahun ke atas; |
| 3. | Warganegara Malaysia; |
| 4. | Mempunyai perniagaan dan bercadang untuk mengembangkan perniagaan; |
| 5. | Perniagaan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);<br>Sekiranya perniagaan adalah secara perkongsian, rakan kongsi perniagaan mestilah OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarkat (JKM) |
| 6. | Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya TIGA (3) Bulan; |
| 7. | Pengembangan perniagaan bertujuan membuka peluang pekerjaan kepada OKU; |
| 8. | Permohonan boleh secara individu atau berkumpulan (rakan kongsi perniagaan juga hendaklah terdiri daripada OKU). |
| 9. | Perniagaan persatuan OKU yang berdaftar juga layak memohon. |




**Jadual 23: Bilangan Penerima Geran SBGP-OKU Mengikut Kategori Ketidakupayaan Bagi Tahun 2019**

| KATEGORI KETIDAKUPAYAAN | BILANGAN |
|---|---|
| Fizikal | 32 |
| Penglihatan | 10 |
| Pendengaran | 6 |
| Masalah Pembelajaran | 0 |
| Pelbagai | 2 |
| **JUMLAH** | **50** |

Sumber: JTKSM

Berdasarkan **Jadual 23**, seramai 50 usahawan OKU telah menerima bantuan SBGP-OKU di mana 32 (64%) penerimanya adalah dalam kategori OKU fizikal.

## Pecahan Penerima Geran SBGP-OKU




Sumber: JTKSM

## Gambarajah 23: Bilangan Kelulusan Dan Jumlah Peruntukan SBGPOKU Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019




Sumber: JTKSM

**Gambarajah 23** menunjukkan RM1,771,003.53 peruntukan telah diluluskan melibatkan peruntukan tertinggi kepada negeri Terengganu iaitu sebanyak RM225,649.00.

## KISAH KEJAYAAN SBGPOKU 2019

NOORAZIZAH BINTI MUHAMMAD ZAMRI
(ARIFF KASTURI ENTERPRISE)

Noorazizah Binti Muhammad Zamri merupakan OKU dalam kategori masalah pembelajaran. Beliau mengusahakan perniagaan pembuatan wangian aromaterapi, pewangi kereta, sabun wangi dan produk lain. Kini sedang dalam perancangan untuk membuka pusat refleksologi. Melalui bantuan peralatan yang diperolehi beliau mampu menjana pendapatan dan mengembangkan perniagaan serta menggajikan OKU yang lain.

Seorang insan istimewa kategori lemah pembelajaran, adalah usahawan OKU yang dibantu di bawah program SBGPOKU. Bantuan peralatan berupa sebuah Van Nissan NV200 1.6L telah diberikan melalui geran bernilai RM74,326.21. Beliau kini semakin giat merangka promosi pemasaran produk dengan bantuan keluarga dan kumpulan kakitangan yang juga merupakan insan istimewa. Insan istimewa yang pernah mendapat pengiktirafan sebagai Usahawan OKU Berdaya Saing ini kini boleh berbangga dengan perniagaan yang diceburinya.

Berkat bimbingan serta dorongan keluarga dan guru-guru, pemilik perniagaan Arif Kasturi Enterprise yang beroperasi di Taiping, Perak ini, berhasrat untuk meluaskan lagi perniagaan beliau dan sedang dalam perancangan untuk membuka pusat urut kaki (refleksologi) dengan menggajikan lebih ramai insan istimewa. Terkini, Noorazizah mempunyai ejen jualan produk Arif Kasturi hampir di seluruh Semenanjung Malaysia dan produknya juga boleh didapati secara atas talian melalui aplikasi shopee.

Khusus buat insan istimewa di luar sana yang ingin menceburi bidang perniagaan, Noorazizah berpesan “anda haruslah segera merebut peluang yang disediakan khusus untuk golongan OKU dan buatlah sehabis baik serta sabar dalam mengharungi penat lelah dalam perniagaan, biar pun kecil asal terus berjalan”.



## PENDIDIKAN PERBURUHAN

### Dialog Industri

Dialog Industri merupakan satu platform dialog sosial yang berperanan membina hubungan harmoni antara majikan dan pekerja bagi mengekalkan kestabilan hubungan industri. JTKSM selaku pengantara antara majikan dan pekerja dalam membincang serta menyelesaikan isu-isu perburuhan dan penggajian.

**Objektif**

- Memberi penekanan tentang aspek pelanggaran undang-undang buruh
- Menyampaikan dasar-dasar dan maklumat baru serta terkini berkaitan isu perburuhan negara
- Mempromosikan amalan-amalan terbaik perburuhan dan memberi galakan untuk melaksanakannya
- Mendapatkan maklumbalas secara langsung berhubung pertikaian dan perundangan perburuhan untuk penambahbaikan dan perancangan masa hadapan.

Bilangan Dialog Industri **23**

**7** Perak mencatatkan jumlah tertinggi dalam pencapaian negeri

### Khidmat Nasihat Perburuhan

JTKSM berperanan memberi Khidmat Nasihat Perburuhan kepada para pelanggan jabatan yang terdiri daripada majikan, pekerja, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan orang awam yang ingin mengetahui tentang undang-undang perburuhan dan maklumat berkaitan pekerjaan.

**SUMBER KHIDMAT NASIHAT**




### *Mobile Labour Care* (MOLAC)

MOLAC merupakan perkhidmatan kaunter bergerak yang disediakan oleh jabatan dalam usaha untuk memperluaskan perkhidmatan kepada pelanggan.

**Program MOLAC**

**26** Bilangan Program

Pelanggan yang hadir **187**



**1** Aduan perburuhan diterima

## GARIS PANDUAN MENUNAIKAN SOLAT DALAM WAKTU KERJA




## DASAR PEKERJA KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA

Pada tahun 2019, Jabatan ini telah membangunkan Dasar Pekerja Kanak-Kanak dan Orang Muda selari dengan pindaan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966. Ia merupakan satu dasar berhubung prinsip perlindungan kanak-kanak dan orang muda dalam pekerjaan yang bermatlamat untuk melindungi kebajikan dan memastikan persekitaran pekerjaan yang selamat bagi pekerja kanak-kanak dan orang muda.

### 4 TERAS UTAMA DASAR

- **Teras 1** – Meningkatkan kesedaran dan komitment semua pihak terhadap usaha memberi perlindungan kepada pekerja kanak-kanak dan orang muda.
- **Teras 2** – Memastikan undang-undang dan dasar berhubung pekerja kanak-kanak dan orang muda sentiasa relevan dan berimpak tinggi
- **Teras 3** – Memperkasa pemantauan secara holistik terhadap penggajian kanak-kanak dan orang muda dengan membangunkan strategi penguatkuasaan dan pemeriksaan perburuhan melibatkan semua pihak relevan
- **Teras 4** – Mengukuhkan kaedah pengumpulan maklumat berhubung pekerja kanak-kanak dan orang muda bagi tujuan penyelidikan dan penambahbaikan perlindungan pekerja kanak-kanak dan orang muda

Jabatan telah menganjurkan taklimat mengenai Pindaan Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 & Dasar Pekerja Kanak-Kanak dan Orang Muda yang dihadiri oleh seramai 162 pegawai-pegawai JTKSM mengikut zon seperti berikut:-

i) Zon timur - 18 April 2019 di Terengganu
ii) Zon tengah - 23 April 2019 di Selangor
iii) Zon selatan - 25 April 2019 di Johor
iv) Zon utara - 2 Mei 2019 di Kedah

# PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN



## PENGURUSAN KEWANGAN

Tahun 2019, JTKSM menerima peruntukan mengurus sebanyak RM 73,334,400.00 dan peruntukan pembangunan sebanyak RM 3,710,200.00. Keseluruhan perbelanjaan JTKSM untuk tahun 2019 bagi mengurus adalah berjumlah RM 72,109,806.43 manakala pembangunan adalah berjumlah RM 3,709,909.28.

### Pengurusan Perbelanjaan

Perbelanjaan pada umumnya untuk membolehkan ianya melaksanakan program serta aktiviti untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Pengurusan perbelanjaan meliputi aktiviti membuat perolehan, memproses bayaran serta mengakaunkannya. Perbelanjaan dibuat melalui sama ada peruntukan tanggungan, mengurus dan juga pembangunan. Langkah kawalan perbelanjaan yang sempurna menjamin wang awam dibelanjakan dengan cekap dan berhemah selaras dengan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan. Pengurusan perbelanjaan yang berhemah, cekap dan berkesan dapat mengelakkan pembaziran, penyelewengan dan kerugian.

**Gambarajah 24 : Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Mengurus JTKSM Bagi Tahun 2019**




Merujuk **Gambarajah 24** di atas, JTKSM telah diluluskan dan menerima sebanyak RM73,334,400.00. Daripada amaun tersebut, JTKSM telah berbelanja sebanyak RM72,109,806.43 (98%) bagi pengoperasian JTKSM sepanjang tahun 2019.

**Carta 1 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus Mengikut Negeri Bagi Tahun 2019**




Berdasarkan **Carta 1**, Prestasi perbelanjaan mengikut negeri.




Peruntukan keseluruhan pembangunan bagi tahun 2019 ialah sebanyak RM 3,710,200.00. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM 3,709,909.28 atau 99.99% telah dibelanjakan.

## LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Latihan dalam perkhidmatan diadakan secara berterusan bagi meningkatkan kompetensi, prestasi dan produktiviti pegawai dan kakitangan Jabatan. Latihan dan kursus yang dijalankan termasuk kursus-kursus jangka pendek dan sederhana melibatkan semua pegawai dan kakitangan merangkumi program generik dalam negara dan luar negara.

## BILANGAN DAN JUMLAH HARI KURSUS

**Gambarajah 25 : Bilangan Latihan dan Kursus serta Jumlah Hari Bagi Tahun 2019**

**DALAM NEGARA**
**47**
**BILANGAN HARI**
**154**

**LUAR NEGARA**
**10**
**BILANGAN HARI**
**31**










ASEAN-KOREA
COOPERATION
FUND
THE 2nd MEETING OF THE TASK FORCE ON GENDER MAINSTREAMING
AND EMPLOYMENT POLICIES
PROMOTE DECENT WORK FOR








PEGAWAI PENGUAT KUASA
AKTA AGENSI PEKERJAAN




INCEPTION MEETING
RESEARCH ON MIGRANT WORKER RIGHTS




JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

















## LATIHAN ICT

### Kursus *Microsoft Office* 2019

Bagi membantu pegawai-pegawai di JTKSM meningkatkan kecekapan dalam kerja-kerja harian, Jabatan telah melaksanakan Kursus *Microsoft Office* 2019 selama empat (4) hari di Bilik Latihan ICT, BPM KSM bermula 04 - 07 November 2019.

Antara modul kursus yang diajar adalah *Microsoft Office Advance, Microsoft Excel Advance* dan *Microsoft Power Point Advance.* Seramai 30 orang peserta telah berjaya melengkapkan kursus tersebut.

### Kursus Pemantapan LMD 2.0

Pemantapan LMD 2.0 telah dijalankan sebanyak empat (4) sesi seperti di bawah.

**Sesi Kursus Pemantapan LMD 2.0 Mengikut Zon**

| Siri 1 | Siri 2 | Siri 3 | Siri 4 |
|---|---|---|---|
| Zon Tengah | Zon Selatan | Zon Utara | Zon Timur |
| 12 - 14 Februari 2019 | 19 - 21 Februari 2019 | 26 - 28 Februari 2019 | 05 - 07 Mac 2019 |

## MAKLUM BALAS PELANGGAN

Sebanyak 6,450 borang maklum balas pelanggan diterima sepanjang tahun 2019 melibatkan 53 buah pejabat JTK. Objektif kualiti pelanggan JTKSM menetapkan bahawa indeks Kepuasan Pelanggan perlu melepasi 75%. Bagi tahun 2019 JTKSM mencatatkan indeks kepuasan pelanggan sebanyak 84%.

Bilangan Maklum Balas
6,450



Bilangan Berpuas Hati
5,418 (84%)

**Bilangan Responden terhadap maklum balas Pelanggan Mengikut Demografi Bagi Tahun 2019**

**Jantina**

| | | |
|---|---|---|
| Lelaki | 3,645 | 56.5% |
| Perempuan | 2,805 | 43.5% |

**Pekerjaan**

| | | |
|---|---|---|
| Kakitangan Swasta | 5,242 | 81.3% |
| Kakitangan Kerajaan | 207 | 3.2% |
| Bekerja Sendiri | 559 | 8.6% |
| Tidak Bekerja | 442 | 6.9% |

**Bangsa**

| | | |
|---|---|---|
| Melayu | 3,991 | 61.9% |
| Cina | 1,592 | 24.7% |
| India | 824 | 12.8% |
| Lain-Lain | 43 | 0.6% |

## PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

### PENULISAN ARTIKEL JTKSM

Jabatan menggalakkan penulisan dan perkongsian idea dalam kalangan pegawai melalui penulisan artikel. Pada tahun 2019, sebanyak 35 artikel telah berjaya dihasilkan oleh pegawai-pegawai JTKSM merangkumi tajuk pemeriksaan berkanun, kes buruh dan gangguan seksual di tempat kerja.  Tiga artikel (3) telah dipilih sebagai pemenang artikel terbaik JTKSM 2019 semasa Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM 2020 pada 19 hingga 21 Oktober 2019.  Senarai pemenang seperti berikut :

1. Keberkesanan Pemeriksaan Berkanun Dapat Menyebarkan Ilmu Perburuhan Yang Berkualiti.
   Penulis : Mohd Faizal bin Zakaria, JTK Perak

2. *The Role Of Labour Officers When Admitting Evidences :*
   *The Perspective Of Evidence Act 1950*
   Penulis : Ahmad Jazim bin Samsudin, PTK Seremban

3. Pencegahan Berkesan Terhadap Gangguan Seksual Di Tempat Kerja
   Penulis : Faraliza binti Shariff, JTK Perlis



Mohd Faizal bin Zakaria
JTK Perak



Ahmad Jazim bin Samsudin
PTK Seremban



Faraliza binti Shariff
JTK Perlis



### PENCAPAIAN NEGERI TERBAIK TAHUN 2019

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan
telah dinobatkan sebagai
pejabat terbaik
bagi pencapaian tahun 2019



Sijil Penghargaan

Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan

PENCAPAIAN NEGERI TERBAIK TAHUN 2019

# PENGURUSAN SISTEM



## PROJEK PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN PERBURUHAN BERSEPADU (SPPB)

JTKSM telah melaksanakan inisiatif untuk menambah baik sistem perburuhan *Labour Market Database* (LMD) sedia ada dengan membangunkan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) bagi tempoh dua (2) tahun mulai Julai 2019 sehingga Julai 2021. Projek pembangunan sistem SPPB telah melalui prosedur yang telah digariskan dalam Perolehan Kerajaan (PK 2), Garis Panduan Perolehan ICT Kerajaan.

Objektif utama projek pembangunan SPPB adalah untuk menyediakan satu *platfom* bersepadu, komprehensif, dan berpusat bagi tujuan pengurusan berkaitan perburuhan. Sistem ini akan melibatkan interaksi di antara majikan, pekerja dan jabatan dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan fungsi jabatan ke tahap yang maksimum.




JTKSM selaku pemilik dan pelaksana Projek SPPB dijangka *Go-live* pada Julai 2021. Projek ini telah bermula pada 15 Julai 2019 melibatkan pembangunan 14 Modul Utama dengan tempoh kontrak selama 24 bulan.



## Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)

Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) merupakan satu sistem yang dibangunkan dengan kerjasama diantara Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, MAMPU serta agensi-agensi berkaitan pengurusan pekerja asing di Semenanjung Malaysia. Sistem ePPAx boleh dicapai melalui url berikut: www.eppax.gov.my

Sistem ini berkonsepkan *single window* bagi permohonan dan pengurusan pekerja asing di Semenanjung Malaysia selaras dengan objektif ePPAx iaitu,

i. Memudahkan pemantauan terhadap majikan dan pekerja asing oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan

ii. Membantu agensi-agensi kerajaan berkaitan membuat keputusan mengenai penggajian pekerja asing;

iii. Memudahkan majikan berurusan dengan pelbagai agensi kerajaan tanpa perlu mengemukakan dokumen yang sama berulang kali; dan

iv. Memendekkan masa berurusan dengan wujudnya satu *platform* bersepadu bagi pengurusan berkaitan pekerja asing.

## JobsMalaysia

JobsMalaysia adalah sistem penjodohan pekerjaan automatik atas talian yang telah dilancarkan pada 30 Mei 2002. Portal JobsMalaysia memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian. Majikan pula boleh mendapatkan calon untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Menerusi sistem ini juga, pencari kerja boleh membuat permohonan pekerjaan dan majikan boleh menguruskan permohonan pekerjaan yang diterima. Semua kemudahan yang disediakan ini tidak dikenakan sebarang bayaran.

Objektif Sistem

i) Memastikan penyertaan tenaga kerja secara optimum melalui penjodohan pencari kerja dan kekosongan jawatan yang lebih sistematik.

ii) Menjadi pusat maklumat pasaran buruh yang boleh dicapai oleh pengguna awam sama ada dari dalam atau luar negeri termasuk para pelajar Malaysia di luar negeri dan pelabur asing.


EVOLUSI SISTEM JOBSMALAYSIA
2002
JCS / ELX
Sistem Job Clearance System (JCS) & Electronic Labour Exchange (ELX) dilancarkan pada May 2002
2008
JobsMalaysia 1.0
JCS diberi penjenamaan baru kepada JobsMalaysia pada 1 Ogos 2008
2010
JobsMalaysia 1.0
11 buah pusat JobsMalaysia (JMC) di seluruh Negara dirasmikan pada 25 Mac 2010
2018
JobsMalaysia 2.0
Portal JobsMalaysia telah dinaiktaraf. Portal JM2.0 telah dilancarkan pada September 2018.


GOLONGAN SASAR
Siswazah
Peningkatan Kerjaya
Belia
Wanita
Orang Asli
Pekerja diberhentikan kerja
Orang Kurang Upaya
Warga Emas
Bekas Penagih Dadah
Bekas banduan
Cancer Survivor
Rakan Jalanan
Majikan
Agensi Pekerjaan Swasta


Portal JobsMalaysia2.0 : Instrumen Terkini JobsMalaysia
Boleh diakses dan digunakan oleh pencari kerja untuk memohon kerja dan majikan untuk mengiklankan kekosongan jawatan termasuk majikan yang membuat permohonan pekerja asing.
Pendaftaran
Permohonan
Pemadanan
Penempatan
Pemantauan
Pelaporan
Skala akses yang besar sehingga 40,000 pengguna serentak
Ketepatan enjin pemadanan
Mobile Apps
(Play Store & App Store)
Command Center-Pusat Arahan untuk mewujudkan perancangan penempatan proaktif, mobiliti buruh tentang penempatan pekerjaan, maklumat statistik dan ramalan keputusan.


Portal JobsMalaysia2.0 : Instrumen Terkini JobsMalaysia
Pekerjaan Malaysia)
Career Information Centre (CIC)
Ujian Psikometrik


INTEGRASI LUARAN SISTEM JOBSMALAYSIA
myIDENTITY
PERKESO
Pengesahan Majikan melalui Nombor Pendaftaran Syarikat untuk mengesahkan kesahihan majikan yang berdaftar dalam Portal.
SPP
Sistem Pengurusan Pekerja Asing (ePPAx)
Majikan disyaratkan mengiklankan kekosongan jawatan di Portal JobsMalaysia kepada rakyat tempatan sebelum disokong memohon pekerja asing
ilmia
Institute of Labour Market Information & Analysis
Jabatan Pendaftaran Negara (myIdentity)
Pengesahan Pencari Kerja melalui Nombor Kad Pengenalan untuk mengesahkan kesahihan pencari kerja yang berdaftar dalam Portal JobsMalaysia.
PERKESO
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)
Penyaringan Permohonan jawatan pencari kerja melalui Sistem JobsMalaysia
ePPAx
Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu
Labour Market Database (LMD)
Majikan disyaratkan mengiklankan kekosongan jawatan di Portal JobsMalaysia kepada rakyat tempatan terlebih dahulu sebelum mendapat sokongan memohon pekerja asing.
Aplikasi Google
Memudahkan Carian kerja melalui aplikasi Google
Google
FOR JOBS

**ePampasan**

Fungsi utama Sistem ePampasan adalah:

i. Menyediakan *platform* kepada pegawai JTKSM untuk membuat taksiran pampasan pekerja asing bagi Kes Maut, Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Hilang Upaya Sementara (HUS), manakala panel penanggung insurans yang telah dilantik bertanggungjawab untuk mengemaskini polisi insurans yang terkini.

ii. Memperoleh dan mengemaskini melalui kerjasama dengan panel penanggung insurans data-data berhubung dengan ahli waris pekerja asing yang lengkap dan terkini seperti nama, hubungan dan alamat terkini bagi memudahkan segala urusan pembahagian pampasan pekerja.

iii. Memastikan bank data Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) sentiasa terkini dan dikemaskini dengan kerjasama panel penanggung insurans agar tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh JTKSM adalah selari dengan maklumat yang dipapar atau terkandung di dalam sistem.




**e-*Labour Court* (eLC)**

eLC telah digunakan sepenuhnya pada Januari 2015. Sistem ini juga membolehkan pengadu dan defendan mengetahui status mengenai kes mereka secara dalam talian. Sistem ini membantu pegawai dalam mengendalikan kes-kes buruh dengan lebih cekap dan efisyen.










**_Labour Market Database_ (LMD)**

*Labour Market Database* (LMD) adalah sistem khusus berpusat utama bagi operasi di Jabatan Tenaga Kerja bagi tujuan pengumpulan dan perekodan data-data aktiviti-aktiviti JTKSM. LMD telah digunakan sepenuhnya pada tahun 2003 melibatkan semua pejabat termasuk pejabat-pejabat di Sabah dan Sarawak.

Namun pada tahun 2018, LMD telah ditambah baik kepada versi LMD 2.0 dimana terdapat perubahan dan penambahbaikan.



# SOROTAN PERISTIWA



## MESYUARAT KAJIAN SEPARUH PENGGAL JTKSM 2019

Bagi mengkaji pencapaian separuh penggal pertama, Jabatan telah mengadakan Mesyuarat Kajian Separuh Penggal 2019 di *Putrajaya International Convention Centre* (PICC) yang melibatkan 40 orang pegawai kanan Jabatan pada 22 Julai 2019. Pada kali ini, Jabatan telah membuat analisa perbandingan pencapaian vs beban kerja peringkat Jabatan Tenaga Kerja Negeri.







## PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JTKSM

Persidangan Tahunan Pegawai-pegawai Kanan JTKSM tahun 2019 telah diadakan di Cameron Highland, Pahang pada **29 hingga 31 Januari 2019**. Persidangan tersebut yang bertemakan ‘Kesepakatan Melestarikan Kecemerlangan’ telah menetapkan resolusi yang menjadi halatuju kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti jabatan untuk tahun 2019. Resolusi yang dimuktamadkan adalah seperti berikut:-

i. mengambil tindakan selari dengan amanat Ketua Pengarah JTKSM yang menggariskan saranan, hasrat dan harapan beliau mengenai perkara-perkara berikut:

- mempergiatkan hebahan dan promosi Jabatan melalui media massa bagi menonjolkan pencapaian dan impak aktiviti Jabatan;

- mereformasi tadbir urus Jabatan ke arah perkhidmatan berpaksikan rakyat yang telus dan cekap selaras dengan komitmen *stakeholders*;

- menetapkan fokus Jabatan yang didokong oleh strategi ke arah mencapai aspirasi Kementerian Sumber Manusia untuk meningkatkan pematuhan undang-undang buruh, menambahbaik perkhidmatan Jabatan, memperkasa penguatkuasaan, mengurangkan pekerja asing dan meningkatkan capaian ICT;

- merancang pelan tindakan Jabatan dengan mengambil kira cadangan:
  - meningkatkan kualiti penguatkuasaan;
  - penguatkuasaan Kementerian di bawah satu bumbung;
  - penguatkuasaan digital;
  - penguatkuasaan melalui pematuhan audit sosial;
  - *preventive labour relations*;
  - perkemas hubungan media;
  - program syarikat angkat; dan
  - pembangunan kapasiti dan kecekapan;

ii. menyusun atur strategi berlandaskan keputusan perbincangan dasar-dasar Jabatan berhubung:

- Pemeriksaan dan Penguatkuasaan;

  - Pendekatan berstrategi yang menekankan kualiti dalam pemeriksaan melalui pengenalan kaedah *rating* tempat pekerjaan berdasarkan tahap pematuhan standard perburuhan;

  - Pembangunan indikator bagi pengkelasan gred tempat pekerjaan secara komprehensif dan berkualiti;

  - Pembangunan kaedah penilaian kualiti pemeriksaan;

  - Penambahbaikan prosedur dan *tools* untuk pemeriksaan berfokus dalam mencapai target mengikut keutamaan yang bersesuaian;

- Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan;

  - Keperluan membangunkan *succession plan* dan mempersiapkan pegawai bagi kenaikan pangkat termasuk pegawai yang berpotensi sebagai Atase Buruh;

  - Penerapan integriti dalam penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan tugas Jabatan bagi meningkatkan martabat Jabatan;

- Kajian ke atas kebajikan dan beban kerja pegawai Jabatan serta menyediakan pelan pembangunan kerjaya pegawai;

- Pengurusan liabiliti Jabatan dan tindakan untuk mengurangkan wang deposit tertunggak bagi meningkatkan prestasi kewangan Jabatan;

- Penetapan penempatan, fungsi dan skop kerja pegawai yang direkrut PERKESO di bawah tindakan kerjasama JTKSM dan PERKESO;

• Perkhidmatan Pekerjaan;

- Keperluan melaksanakan tindakan proaktif dalam membuktikan kerelevanan fungsi JobsMalaysia dikekalkan di bawah JTKSM;

- Kepentingan menyebar luas *success stories* dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan pekerjaan Jabatan;

• Pengurusan Pekerja Asing;

- Pemakluman peralihan Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA) kepada Skim Bencana Kemalangan (SBK);

- Pemakluman cadangan-cadangan dasar penggajian pekerja asing oleh Jawatankuasa Bebas Pekerja Asing;

- Pengukuhan sistem pengurusan penggajian pekerja asing

iii. mengiktiraf pelaksanaan *Key Performance Activity* (KPA) tahun 2019 mengikut ketetapan yang digariskan dalam Kamus Business Plan 2019 untuk dijadikan agenda dan panduan serta rujukan pelaksanaan tindakan terancang.





Seterusnya, Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai JTKSM Tahun 2020 telah diadakan pada 19 hingga 21 Oktober 2019 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Tema persidangan kali ini ialah *'Delivering Decent Work & Embracing Future Challenges'* telah dihadiri oleh seramai 69 orang pegawai JTKSM seluruh Semenanjung Malaysia. Resolusi yang terhasil daripada persidangan tersebut adalah seperti berikut:-

Resolusi Persidangan Tahunan Pegawai-pegawai Kanan JTKSM Tahun 2020 memperakui dan bersetuju untuk;

1. Melaksana dan mencapai 51 aktiviti *Key Performance Index* seperti yang digariskan melalui *Business Plan* JTKSM Tahun 2020;

2. Mempraktik dan membudayakan integriti dan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan Jabatan;

3. Memperakui keperluan bagi perubahan pengurusan dan pendekatan penyampaian perkhidmatan Jabatan dalam mendepani perubahan dan cabaran masa hadapan melalui:
   a. Peningkatan pemahaman warga JTKSM berhubung Revolusi Industri 4.0, *future jobs* dan *gig economy*;
   b. Pembangunan Pelan Induk JTKSM 2021-2025 dengan menerapkan hasrat dan keperluan rakyat dan *stakeholders*;
   c. Pembudayaan teknologi dalam pelaksanaan tugas;
   d. Penerapan nilai-nilai kehidupan yang mulia;









4. Mengoptimum pengurusan sumber manusia Jabatan melalui:
   a. Analisa berterusan ke atas keseimbangan pencapaian dan beban tugas pegawai di setiap Pejabat Tenaga Kerja;
   b. Penstrukturan semula sayap operasi JTKSM dengan hanya mengekalkan fungsi utama Jabatan iaitu Penguatkuasaan dan Undang-undang;

5. Mempersiap semua warga JTKSM dengan pengetahuan dan kemahiran ke arah kecekapan penyampaian perkhidmatan melalui:
   a. Pembangunan modul latihan yang berstruktur dan terancang dengan penekanan ke atas kompetensi pegawai;
   b. Perkongsian ilmiah secara berterusan berhubung isu semasa;
   c. Penetapan piawaian kompetensi pegawai dalam perancangan *career progression*;

6. Meningkatkan pemahaman dan kesedaran rakyat berhubung undang-undang perburuhan dan prospek kerjaya pekerja melalui program pendidikan dan perkongsian maklumat perburuhan melibatkan semua lapisan masyarakat;

7. Mengutama warganegara Malaysia dalam perkhidmatan pekerjaan melalui kerjasama erat dengan industri terutamanya berhubung keperluan pekerja berkemahiran tinggi serta mengkaji keperluan undang-undang perkhidmatan pekerjaan negara;

8. Menggiatkan promosi bagi meningkatkan imej dan reputasi Jabatan melalui penerbitan penulisan dan media pencapaian Jabatan.






## *RETREAT* PELAN TINDAKAN RESOLUSI JTKSM

Susulan daripada Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai JTKSM Tahun 2020, Jabatan telah mengadakan *Retreat* Pelan Tindakan Resolusi JTKSM 2020 pada 16 hingga 19 November 2019 di Pejabat Tenaga Kerja Kluang, Johor (*Retreat* Kluang 2019). *Retreat* Kluang 2019 ini telah dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (PP) JTKSM, Pengarah-pengarah Ibu Pejabat, Pengarah Negeri, wakil pegawai setiap negeri dan *Person in Charge* Bahagian Dasar & Perburuhan Strategik. Antara perkara-perkara yang dibincangkan semasa *Retreat* Kluang 2019 adalah mengenai pencapaian *vs workload*, Kamus Business Plan 2020, pembangunan pelan tindakan JTKSM, pembangunan takwim JTKSM, penyediaan *handbook* pegawai, isu notis pematuhan dan perkongsian analisis SWOT berkaitan aktiviti-aktiviti utama jabatan.




Profil Korporat / Tadbir Urus
Penguatkuasaan
Perkhidmatan Pekerjaan
Promosi
Pengurusan dan Pentadbiran
Pengurusan Sistem
Sorotan Peristiwa
Memoir
Lokasi
Sidang Redaksi

## *Town Hall* Agensi Pekerjaan Swasta bersama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

JTKSM telah menganjurkan sesi *Town Hall* bersama APS yang berlesen pada 8 November 2019. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada APS tentang Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, mendapatkan maklum balas daripada APS berkaitan isu-isu berbangkit serta mengumpulkan maklum balas yang diterima untuk penambahbaikan proses kerja di Jabatan. Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Manusia, M Kula Segaran dan seramai 627 agensi pekerjaan telah terlibat dalam program tersebut. Ia menjadi platform antara Jabatan dan APS untuk menyuarakan pandangan, cadangan dan perkongsian maklumat.








## KURSUS *"ECONOMIC PARTNERSHIP PROGRAM (EPP) – LEP 2.0 : SUPPORT FOR EMPLOYMENT AND INCOME GENERATION OF THE ELDERLY AND WOMEN"* DI *JAPAN INTERNATIONAL COOPERATION AGENCY* (JICA) SHIBUYA-KU, TOKYO JAPAN

Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 25 Ogos 2019 hingga 07 September 2019 bertempat di *Japan International Cooperation Agency* (JICA) Shibuya-Ku, Tokyo Japan. JTKSM diwakili oleh 12 orang pegawai yang terpilih bagi menyertai Kursus LEP 2.0 : *Support for Employment and Income Generation of the Elderly and Women.*

Objektif kursus LEP 2.0 adalah untuk memberi pendedahan mengenai sistem yang diguna pakai di Jepun bagi menambah penyertaan golongan warga emas serta wanita di dalam sektor pekerja dan juga *income generating activities* yang dijalankan supaya kedua-dua golongan ini dapat menjadi *financially independent.* Melalui perkongsian pengetahuan dan pengalaman dari Kursus tersebut peserta mencadangkan satu pelan tindakan atau *action plan* yang dianggap praktikal dan relevan yang bersesuaian dengan dasar-dasar negara. Senarai nama pegawai dari JTKSM yang menyertai kursus tersebut adalah seperti berikut :

| BIL. | NAMA | GRED | JABATAN/CAWANGAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Suraiya Ch'ng binti Abdullah | S48 | Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia |
| 2. | Roslan bin Bahari | S48 | Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan |
| 3. | Muhammad Irsyad bin Redzuran | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia |
| 4. | Mohd Faizal bin Mohamad | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia |
| 5. | Zuraida binti Zainal Abddin | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia |
| 6. | Johana binti Bakar | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Selangor |
| 7. | Muhamad Yusof bin Mokhtar | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Kedah |
| 8. | Yuszatunaim binti Yusof | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Perlis |
| 9. | Noriah binti Abdul Kadir | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Kelantan |
| 10. | Zairiasdi bin Mohd Zainuddin | S44 | Jabatan Tenaga Kerja Pahang |
| 11. | Azrul Amin bin Ahmad Latifi | S41/S44 | Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan |
| 12. | Diyana Ruzanna binti Hamsawi | S41/S44 | Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia |









## Majlis Pentauliahan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (Dlkm) Bidang Pengurusan Bimbingan Kerjaya Melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (Ppt) Sesi 2016/2017 Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

*National Occupational Skills Standard* (NOSS) atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan adalah dokumen yang menggariskan ketrampilan yang diperlukan oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai ketrampilan tersebut. Selaras dengan objektif NOSS, JTKSM juga telah melahirkan pegawai yang kompeten melalui modul latihan kursus kemahiran dalam bidang pengurusan bimbingan kerjaya.

Berdasarkan Pelan Transfomasi Kementerian Sumber Manusia Teras 3, JTKSM perlu melatih seramai 15 orang pegawai sebagai Pembimbing Kerjaya selaras dengan *core business* Pusat JobsMalaysia yang memberikan perkhidmatan pekerjaan dan kerjaya. Rentetan itu, JTKSM telah berjaya mentauliahkan seramai 17 pegawai termasuk Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah  dalam NOSS Bidang Bimbingan Kerjaya. Majlis pentauliahan ini telah dilaksanakan di *International Convention Centre* Putrajaya (PICC) pada 02 Julai 2019.






## PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI

### Perasmian Lencana

Sebagai salah satu langkah dalam mendokong usaha memerangi gejala rasuah secara berterusan, Jabatan telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan dan mengedarkan lencana **"Saya Berintegriti Dan Benci Rasuah"** kepada semua pegawai dan kakitangan JTKSM.

Perasmian lencana ini berlangsung dalam Majlis Perasmian Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, JTKSM yang diadakan pada 28 Mei 2019 bertempat di Ibu Pejabat JTKSM.

Lencana ini perlu sentiasa dipakai semasa berurusan dengan orang awam untuk memastikan imej Jabatan jelas dan bersih daripada rasuah dalam urusan penyampaian perkhidmatan seharian.






### *Integrity Road Tour*

JTKSM mengadakan Bulan Pemantapan Integriti Jabatan melalui *Road Trip* ke seluruh cawangan JTK Negeri di Semenanjung Malaysia dengan tema **"Saya Berintegriti dan Benci Rasuah"** pada bulan Julai secara bersiri.

**Jadual 23 : Siri Jelajah Integriti 2019**

| SIRI | TARIKH | TEMPAT |
|---|---|---|
| 1 | 08 JULAI 2019 | JTK SELANGOR & JTK KUALA LUMPUR |
| 2 | 08 JULAI 2019 | JTK NEGERI SEMBILAN & JTK MELAKA |
| 3 | 11 JULAI 2019 | JTK JOHOR |
| 4 | 15 JULAI 2019 | JTK PERAK |
| 5 | 16 JULAI 2019 | JTK PULAU PINANG |
| 6 | 16 JULAI 2019 | JTK KEDAH & JTK PERLIS |
| 7 | 25 JULAI 2019 | JTK PAHANG |
| 8 | 29 JULAI 2019 | JTK TERENGGANU & JTK KELANTAN |




SIRI 1: JTK SELANGOR & JTK KUALA LUMPUR



SIRI 2: JTK NEGERI SEMBILAN & JTK MELAKA



SIRI 6: JTK KEDAH & JTK PERLIS



SIRI 3: JTK JOHOR



SIRI 7:JTK PAHANG



SIRI 4: JTK PERAK



SIRI 8:JTK  TERENGGANU & JTK KELANTAN



SIRI 5: JTK PULAU PINANG

## LAWATAN ILMIAH KE IBU PEJABAT SPRM

Sempena dengan bulan pemantapan Integriti, JTKSM mengadakan Lawatan Ilmiah ke Ibu Pejabat SPRM pada 24 Julai 2019 dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Masyarakat SPRM.

Program ini merupakan Kunjungan Hormat Ketua Pengarah Tenaga Kerja kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Puan Latheefa Koya. Pertemuan dua hala ini merupakan langkah proaktif Jabatan dalam usaha memerangi gejala rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa di samping membincangkan pengukuhan dua hala antara SPRM dan JTKSM

Selain dari itu, delegasi lawatan turut di bawa melawat ke MACC Konti, mendengar sesi taklimat Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan diakhiri dengan sesi bergambar bersama pegawai SPRM.














Profil Korporat / Tadbir Urus
Penguatkuasaan
Perkhidmatan Pekerjaan
Promosi
Pengurusan dan Pentadbiran
Pengurusan Sistem
Sorotan Peristiwa
Memoir
Lokasi
Sidang Redaksi

## MAJLIS PEMANTAPAN INTEGRITI

Majlis Pemantapan Integriti JTKSM diadakan pada 25 Oktober 2019 bertempat di Hall 1, Concourse Level, PICC. Antara pengisian majlis termasuklah Pemakaian Lencana **"Saya Berintegriti dan Benci Rasuah"** yang telah dipakaikan oleh YBhg. Dato' Amir bin Omar, Ketua Setiausaha Kementerian kepada Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Dalam Majlis yang sama, semua Ketua-ketua Jabatan telah menzahirkan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR), Sesi Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan menyaksikan Penyerahan dokumen IBR daripada YBhg. Dato' KSU kepada SPRM.















# MEMOIR



## PERHIMPUNAN BULANAN




















## SAMBUTAN HARI RAYA







## HARI BERTEMU PELANGGAN












## KEJOHANAN SUKAN TAHUNAN SKIM 'S' (KESTASIS)













## PUSPANITA












26 A | setempat | metro | 31-01-2019

# JTK runding beres isu gaji tertunggak

**Putrajaya:** Kementerian Sumber Manusia menyerahkan sepenuhnya kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Cawangan Bangi berunding dengan pihak tertentu bagi menyelesaikan isu bayaran gaji tertunggak pekerja asing warga Nepal di kilang pembuatan sarung tangan di Sepang, baru-baru ini.

Sumber kementerian memaklumkan, JTK Bangi kini dalam proses menguruskan pembayaran gaji pekerja berkenaan yang dilaporkan tidak dibayar majikan mereka.

"Mogok pekerja berakhir semalam (kelmarin) dan kini JTK Bangi berunding untuk menguruskan bayaran gaji tertunggak pekerja berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Baru-baru ini, hampir 2,000 pekerja Nepal di kilang pembuatan sarung tangan di Sepang mogok selama tiga hari di premis syarikat itu kerana mahu majikan mereka melangsaikan bayaran gaji yang tertunggak selama tiga bulan.

Difahamkan, isu berkenaan sudah sampai ke peringkat Kedutaan Nepal di Kuala Lumpur dan perbincangan antara pihak syarikat dan kedutaaan diaturkan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik.

Sumber juga memaklumkan, isu berkenaan sudah selesai dan syarikat memberi jaminan tunggakan gaji dibayar minggu ini.

Pada Disember lalu, The Guardian mendedahkan Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan England menggunakan sarung tangan perubatan yang dibuat di kilang Malaysia dengan menggunakan pekerja asing yang didakwa menjadi buruh paksa.

Menurut laporan itu, pekerja dikerahkan kerja lebih masa, terikat dengan perhambaan hutang, bayaran gaji ditahan dan pasport mereka disita majikan.

The Guardian turut melaporkan satu lagi pengeluar sarung tangan utama negara didakwa mendedahkan ribuan pekerja asing dari Nepal dan Bangladesh kepada keadaan kerja yang menindas.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Sepang Asisten Komisioner Abdul Aziz Ali berkata, pihaknya tidak menerima laporan daripada majikan berhubung mogok berkenaan kerana tidak membabitkan unsur jenayah.

**FAKTA**
*Hampir 2,000 pekerja Nepal di kilang pembuatan sarung tangan di Sepang mogok tiga hari*

---

Segar • Progresif • Diyakini
AKHBAR PALING PANTAS BERKEMBANG DI MALAYSIA
Kosmo!
RABU 29 MAC 2017 | RM1

NEGARA

172 pekerja wanita diselamatkan di kilang proses sarang burung walet

## Kerja 17 jam sehari macam hamba



PBT digesa pantau premis di bawah pentadbiran

'Saya rasa macam bukan manusia'

---

malaysiakini

### K'jaan lancar garis panduan solat dalam waktu kerja

---

Sinar

---



TELUS & TULUS
Sinar harian
SENTRAL 37

# Pekerja dilayan bagai hamba abdi

Seorang Datuk paksa 172 bekerja 17 jam sehari dengan gaji serendah RM200 sebulan sejak setahun lalu

INFO
• Kes disiasat mengikut Seksyen [illegible] Akta Imigresen 1957 dan Akta Pekerja.

KLANG – [illegible]



[illegible]

# JTK siasat kilang larang pekerja solat

**Petaling Jaya:** Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sedang menyiasat dakwaan bahawa sebuah kilang di Taman Perindustrian Sungai Kapar Indah, Klang, melarang pekerja Islam menunaikan solat pada waktu kerja.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar, berkata siasatan perlu berikutan ada pelbagai perkara ditularkan kini, yang dikhuatiri bertujuan mencetuskan ketegangan.

"Bagi pihak kami siasat dulu, jangan buat spekulasi sendiri yang boleh menimbulkan kekecohan.

"Jika ia (dakwaan) sahih, tindakan tegas akan diambil terhadap majikan terbabit mengikut Seksyen 60A(1) Akta Kerja 1955.

"Mengikut akta itu, majikan hendaklah memberi pelepasan kepada pekerja Islam untuk menunaikan sembahyang, iaitu sekurang-kurangnya 20 minit bagi setiap waktu solat dan sekurang-kurangnya satu jam 30 minit bagi solat Jumaat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) OSH 2018 di sini, semalam.

Sementara itu, Mahfuz mencadangkan majikan melantik pegawai khas memantau kesihatan pekerja, bagi mencegah masalah kesihatan akibat penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit.

"Majikan perlu memastikan pekerja menjalani gaya hidup sihat, persekitaran tempat kerja selamat dan tidak mendedahkan pekerja kepada penyakit berjangkit.



*Mahfuz Omar*

"Jika ada pekerja tidak sihat, benarkan mereka dapat rawatan hingga pulih supaya prestasi kerja tidak terjejas," katanya.

Di **Klang**, Hond Tat Industries Sdn Bhd menafikan syarikat itu ada mengeluarkan larangan terhadap pekerja Islam menunaikan solat pada waktu kerja, sebaliknya mendakwa memo yang disebarkan adalah palsu.

"Ini perbuatan sabotaj. Tidak ada tandatangan pada memo itu dan tiada kelulusan daripada pengurusan tertinggi syarikat.

"Sesiapa saja boleh mengambil kepala surat dan mencetaknya.

"Kami akan membuat laporan polis mengenai perkara ini secepat mungkin. Tiada kakitangan Muslim yang dilarang menunaikan solat pada waktu kerja," kata pengurus operasi syarikat itu yang enggan dikenali, ketika dihubungi.

Beliau mendakwa perbuatan tidak bertanggungjawab itu mungkin dilakukan kakitangan yang tidak berpuas hati.

4/5 24 BH 2. 8. 2019

Sinar



## JTK Pahang buka 63 kertas siasatan terhadap 45 majikan

KUANTAN - Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Pahang membuka 63 kertas siasatan terhadap 45 majikan di negeri ini kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Kerja 1955.

# Lokasi



## LOKASI IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA, JABATAN TENAGA KERJA NEGERI DAN PEJABAT TENAGA KERJA (CAWANGAN)



**1 Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**

**2 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perlis**
Pejabat Tenaga Kerja Kangar

**3 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kedah**
Pejabat Tenaga Kerja Alor Setar
Pejabat Tenaga Kerja Langkawi
Pejabat Tenaga Kerja Sungai Petani
Pejabat Tenaga Kerja Kulim

**4 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang**
Pejabat Tenaga Kerja Georgetown
Pejabat Tenaga Kerja Butterworth

**5 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak**
Pejabat Tenaga Kerja Ipoh
Pejabat Tenaga Kerja Kuala Kangsar
Pejabat Tenaga Kerja Taiping
Pejabat Tenaga Kerja Tapah
Pejabat Tenaga Kerja Teluk Intan
Pejabat Tenaga Kerja Sitiawan
Pejabat Tenaga Kerja Grik

**6 Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur

**7 Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan Labuan**

**8 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor**
Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya
Pejabat Tenaga Kerja Pelabuhan Klang
Pejabat Tenaga Kerja Rawang
Pejabat Tenaga Kerja Bangi
Pejabat Tenaga Kerja Kuala Selangor

**9 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Sembilan**
Pejabat Tenaga Kerja Seremban
Pejabat Tenaga Kerja Kuala Pilah

**10 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka**
Pejabat Tenaga Kerja Melaka

**11 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor**
Pejabat Tenaga Kerja Johor Bahru
Pejabat Tenaga Kerja Kluang
Pejabat Tenaga Kerja Muar
Pejabat Tenaga Kerja Segamat
Pejabat Tenaga Kerja Batu Pahat

**12 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pahang**
Pejabat Tenaga Kerja Kuantan
Pejabat Tenaga Kerja Bentong
Pejabat Tenaga Kerja Raub
Pejabat Tenaga Kerja Temerloh
Pejabat Tenaga Kerja Pekan

**13 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu**
Pejabat Tenaga Kerja Kuala Terengganu
Pejabat Tenaga Kerja Dungun
Pejabat Tenaga Kerja Kemaman
Pejabat Tenaga Kerja Setiu

**14 Jabatan Tenaga Kerja Negeri Kelantan**
Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu
Pejabat Tenaga Kerja Kuala Krai



Untuk mendapatkan maklumat sepenuhnya sila layari www.jtksm.mohr.gov.my

## LOKASI JOBSMALAYSIA CENTRE (JMC)



### PUSAT JOBSMALAYSIA

1 Cyberjaya
2 Selangor
3 Pulau Pinang

### PUSAT JOBSMALAYSIA @ UTC

1 Selangor
2 Perlis
3 Kedah
4 Perak
5 Kuala Lumpur
6 Negeri Sembilan
7 Melaka
8 Johor
9 Pahang
10 Terengganu
11 Kelantan

Untuk mendapatkan maklumat sepenuhnya sila layari www.jtksm.mohr.gov.my

# SIDANG REDAKSI



# **SIDANG** REDAKSI


Encik Yusoff bin Harun


Md Rasyid bin Mokri


Idawati binti Ibus


Zainab binti Kamar


Noor Syida Ramli


Syamsyinar binti Hashim


Sharin Imran bin Bakri


Muzzaffar bin Awang @ Awang Mukhtar


Nor Azmil bin Mohd Nor Shamsuri


Nur Ruzaini binti Jamaludin


Mohd Rashdan bin Abd Rahman


Zasmin binti Amirudin


Jennifer binti Abdul


Salehah binti Abdul Wahab


Nor Faezah binti Saini


Adam bin Abd Malik


Tn. Sharifah Rohana binti Tn. Yusof


Zuraidah binti Mohamad


Mohd Shahril bin Shaik Mohd


Nurrul Shafiqa binti Zurghiba